



i&amp;i PARLIMEN

**MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

e

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI KHAMIS : 10 MARCH 2011**

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALANNO. 7,11 HINGGA 67)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6, 8. 9,  
[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

**SIDEKSANI  
CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA**

**Soalan No : 7 MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEDUABELAS PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : 3AWAB LISAN**  
**DARIPADA YB DATO' HENRY SUM AGONG**  
**TARIKH 10 MAC 2011**  
**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan pencapaian pelaksanaan bagi kemudahan asas iaitu bekalan elektrik, air dan jalan dalam lingkungan 30km persegi dari pusat bandar khususnya Sarawak dan Sabah sudah tercapai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan kemudahan jalan dalam lingkungan radius 30km persegi adalah menggunakan konsep sebelum wujudnya NKRA. Walau bagaimanapun selepas NKRA ditubuhkan, konsep ini telah dikembangkan melebihi 30km radius daripada pusat bandar Sabah dan Sarawak. Di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, empat (4) bidang tumpuan diberi perhatian iaitu:

- i) Menghubungkan rakyat kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui pembinaan jalan baru/ dinaik taraf melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB);
- ii) Menyalurkan air bersih atau yang dirawat melalui Program Bekalan Air Luar

Bandar (BALB);

- iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dan
- iv) Membina/ membaik pulih rumah bagi golongan miskin/ miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Berikut ialah status pencapaian bagi tahun 2010 Projek-projek IMKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar sehingga **31 Disember 2010** bagi negeri Sabah dan Sarawak:

Sepanjang **775.58km jalan (103.1%) telah siap dibina** daripada **sasaran sepanjang 751.93km** di bawah **Program Jalan Luar Bandar (JALB)**. Ini termasuklah sepanjang **213.5km jalan di Sabah** (seramai 149,999 orang penduduk mendapat manfaat) dan sepanjang **244.47km jalan di Sarawak** (seramai 100,650 orang penduduk mendapat manfaat).

Manakala di bawah **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** sebanyak **35,291 buah rumah (50%)** daripada **sasaran sebanyak 70,181 buah rumah** telah menerima bekalan air bersih/terawat. Ini merangkumi **12,231 buah rumah di Sabah** (seramai 61,155 orang penduduk telah menerima manfaat) dan **4,004 buah rumah di Sarawak** (seramai 20,020 orang penduduk telah menerima manfaat).

Di bawah **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** pula sebanyak **27,209 buah rumah (107.5%)** daripada **sasaran sebanyak 25,312** telah menerima bekalan elektrik 24jam. Ini meliputi **14,194 buah rumah di Sabah** (seramai 70,970 orang penduduk telah menerima manfaat) dan **12,256 buah rumah di Sarawak** (seramai 61,280 orang penduduk telah menerima manfaat).

*Mo: (1*  
SJ.B/( 10 )

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**  
**[ HULUTERENGGANU ]**

**PERTANYAAN : LIS AN**

**TARIKH : 10.3.2011**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan setiap individu yang layak membayar cukai pendapatan berbuat demikian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga langkah utama yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk memastikan setiap individu yang layak atau kena membayar cukai melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

**Langkah pertama** ialah mengenal pastipara pembayar cukai yang baru. Ini dilakukan menerusi program pendidikan cukai, program banci perniagaan dan pengesanan maklumat pembayar cukai. Tujuan program pendidikan cukai ialah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan kesedaran mengenai tanggungjawab

pembayar cukai terhadap negara dan menggalakkan pematuhan secara sukarela. Program band perniagaan pula dijalankan untuk mengenal pasti pembayar cukai baru di kalangan para peniaga kecil dan sederhana. Di samping itu, pengesanan pembayar cukai baru juga dilakukan berdasarkan maklumat yang diterima oleh LHDNM.

**Langkah kedua** ialah memastikan pematuhan bayaran oleh pembayar cukai yang telah didaftarkan menerusi skim Potongan Cukai Bulanan (PCB) oleh majikan dan skim bayaran ansuran oleh pekerja ke atas pendapatan selain daripada pendapatan penggajian (employment income). Di bawah skim PCB, setiap majikan bertanggungjawab untuk membuat potongan cukai setiap bulan bagi pekerja-pekerjanya. Tindakan akan dikenakan ke atas majikan sekiranya tidak memenuhi tanggungjawab tersebut. Bayaran ansuran boleh dibuat bagi kategori bekerja sendiri.

**Langkah ketiga** ialah dengan memantau pematuhan melalui aktiviti pengawasan yang berterusan, pengauditan dan penyiasatan. Antara lain, pengawasan yang dibuat ialah pengeluaran taksiran anggaran jika pembayar cukai gagal menghantar Borang Cukai Pendapatan. Pengauditan pula dilakukan melalui pemilihan rawak manakala penyiasatan dibuat jika mempunyai maklumat undang-undang tidak dipatuhi.

Langkah penguatkuasaan boleh dilakukan seperti pendakwaan dan sekatan perjalanan ke atas pembayar cukai yang gagal membuat bayaran.

***jVo; fn***

**SJ.B/( 8)**

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.3.2011

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah rakyat Malaysia boleh mendapat "Education Tax Refund Scheme" apabila mereka membeli bahan yang berkaitan dengan pengajian mereka seperti pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Australia, dan bolehkah skim ini dilaksanakan segera.

**JAWAPAN:**

Tuian Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Education Tax Refund Scheme* atau skim ETR di Australia adalah insentif yang diberi kepada ibu bapa, penjaga yang sah dan *independent students* untuk membantu kos pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah, iaitu dalam bentuk bayaran balik sebanyak 50% ke atas perbelanjaan pendidikan yang layak. Amaun maksimum yang layak dituntut adalah diselaraskan dengan Indeks Harga Pengguna. Sebagai contoh, bayaran balik maksimum yang boleh dituntut untuk tahun taksiran 2010 - 2011 adalah sebanyak 390 dolar Australia (kira-kira RM 1,200) untuk setiap anak di sekolah rendah. Contoh perbelanjaan layak di bawah skim ETR tersebut adalah kos membeli, membaiki dan menyelenggara peralatan seperti komputer, mesin pencetak, sambungan internet di rumah, perisian komputer untuk

kegunaan pendidikan serta buku teks sekolah dan bahan pembelajaran termasuk alat tulis.

Di Malaysia, kita mempunyai pelepasan yang setara atau lebih baik daripada skim ETR tersebut. Pelepasan-pelepasan cukai pendapatan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. Pelepasan maksimum RM1,000 dibenarkan ke atas perbelanjaan membeli buku termasuk buku teks sekolah, jurnal, majalah dan mana-mana penerbitan di dalam atau luar negara sama ada dalam bentuk cetakan atau bentuk elektronik;
- ii. Untuk setiap anak, pembayar cukai akan diberikan pelepasan seperti berikut:
  - RM1.000 bagi anak berumur di bawah 18 tahun; dan
  - RM4.000 bagi anak berumur lebih 18 tahun dan menerima pendidikan tinggi sepenuh masa di universiti, kolej atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Perbelanjaan maksimum RM3.000 untuk pembelian komputer peribadi bukan untuk tujuan perniagaan bagi setiap tahun taksiran;

Pelepasan maksimum RM3,000 bagi deposit dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional bagi setiap tahun;

Perbelanjaan maksimum RM500 untuk bayaran bil bagi langganan jalur lebar (*broadband*) untuk setiap tahun taksiran; dan



Perbelanjaan maksimum RM300 untuk pembelian peralatan sukan bagi aktiviti sukan seperti didefinisikan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 bagi setiap tahun taksiran.

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ  
(LUBOKANTU)

TARIKH : 10.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ [LUBOK ANTU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Sekolah Menengah Lubok Antu dari sekolah menengah tingkatan 5 ke tingkatan 6.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Perancangan dan permohonan untuk pembukaan kelas Tingkatan 6 melalui Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan (ABM) perlu dibuat setahun sebelum pelaksanaan peluasan kelas tersebut dilaksanakan. Keputusan permohonan ini pula adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria tertentu. Walau bagaimanapun, perancangan untuk membuka kelas Tingkatan 6 di SMK Lubok Antu adalah tidak mendesak bagi tahun semasa. Sekiranya peratus murid layak masuk ke Tingkatan 6 sentiasa menunjukkan peningkatan, maka cadangan untuk membuka kelas Tingkatan 6 di SMK Lubok Antu akan diperaku untuk pertimbangan Agensi Pusat.

Berdasarkan statistik Perancangan Keias Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, murid SMK Lubok Antu yang layak ke kelas Tingkatan 6 Bawah tidak memenuhi kriteria untuk membuka sekurang-kurangnya 2 buah kelas (70 orang murid) Tingkatan 6 di sekolah tersebut. Calon murid SMK Lubok Antu yang layak ke Tingkatan 6 berdasarkan data 3 tahun yang lepas adalah seperti berikut iaitu 12 orang tahun

2008, 43 orang tahun 2009 dan 49 orang tahun 2010. Data tersebut menunjukkan enrolmen murid tersebut tidak mencukupi untuk membuka 2 buah kelas.

Oleh yang demikian, kesemua murid SMK Lubok Antu yang layak ke Tingkatan 6 akan ditempatkan ke SMK Simanggang yang kapasitinya masih tidak digunakan secara optimum.

Rjm 10

NO. SOALAN :

**14 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO</b> <b>[ KLANG ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>10 MAC 2011 (KHAMIS)</b>

**SOALAN**

**Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menanggungkan pelaksanaan *subsidy rationalisation* memandangkan kenaikan kos hidup yang tinggi pada masa kini oleh kerana kenaikan kos makanan dan keperluan keluarga yang lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk memastikan hal ehwal dan kesejahteraan rakyat terjamin pada jangka masa yang panjang, Kerajaan akan terus menjalankan program merasionalisasikan subsidi seperti dirancang. Cadangan rasionalisasi subsidi perlu untuk Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

Proses mendapatkan maklumbalas daripada rakyat tentang program rasionalisasi subsidi ini telah dijalankan pada tahun 2010 dan jelas menunjukkan secara majoriti rakyat bersetuju supaya subsidi harus dikurangkan.

Persepsi bahawa kenaikan harga makanan dan barangan keperluan harian adalah keterlaluan. Sebagai contoh, keputusan daripada Kerajaan Pusat untuk mengurangkan subsidi gula tidak mendatangkan kesan yang besar terhadap rakyat termasuk golongan miskin tegar. Seperti sedia maklum, kenaikan harga gula adalah sebanyak 25 sen sekilogram. Dengan mengambil kira purata pengambilan gula sebanyak 2.5 kilogram gula sebulan untuk seorang individu, impak kenaikan harga adalah hanya sebanyak 62.5 sen (RM0.625) sebulan.

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]
TARIKH	10 MAC 2011 (KHAMIS)
SOALAN	

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan anggota perkhidmatan awam serta institusi latihan, pengajian dan penyelidikan kita bersedia untuk menyokong pergerakan dan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan bahawa anggota perkhidmatan awam, institusi latihan, pengajian dan penyelidikan bersedia untuk menyokong pergerakan dan pelaksanaan program Transformasi Ekonomi ialah seperti berikut:

#### Institusi latihan

- memperkenalkan pendekatan *demand side funding* iaitu pembiayaan kepada pelajar dan bukannya institusi;
- melaksana program pembiayaan menerusi pinjaman bagi meningkatkan kemahiran di kalangan pekerja (skills upgrading);
- menyediakan peruntukan pinjaman kepada lepasan sekolah untuk mengikuti latihan kemahiran;
- meningkat kualiti dan menyeragam kurikulum pendidikan teknikal & latihan vokasional (TEVT) bagi memastikan pendidikan dan latihan menepati keperluan industri;
- meningkat kerjasama dengan industri dalam pelaksanaan program TEVT;
- mempergiat pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang mana latihan teori dilaksanakan di institusi latihan manakala latihan praktikal dijalankan di tempat kerja atau industri;
- menubuhkan pusat latihan tenaga pengajar baru bagi melahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang kompeten.

#### Institusi penqaiian

- meningkatkan peratusan pensyarah berkelayakan Ph.D melalui program MyBrain 15;

- melaksanakan program Ph.D perindustrian yang dapat menggalakkan inovasi dan perkongsian pengetahuan antara industri dan universiti ke arah menjana pengetahuan baru dan meningkatkan penyelidikan berkaitan industri;
- memperkukuh budaya berprestasi tinggi di kalangan IPTA dengan memberi lebih autonomi dan kebolehpasaran (employability) pelajar dijadikan salah satu KPI university;
- mempergiat program latihan industri di kalangan pelajar dan pensyarah;
- melaksanakan program *Knowledge Transfer Partnership* (KTP) untuk meningkatkan kerjasama antara industri dan universiti;
- memperkukuh kurikulum pengajian dengan menyeimbangkan kandungan akademik dan *soft skills*;
- menjalin kerjasama dengan institusi penyelidikan antarabangsa dan universiti luar negara;
- mengukuhkan pusat kecemerlangan di universiti (CoE) melalui kerjasama industri dalam aktiviti R&D bagi menyokong dan mempercepat pengkomersialan inovasi dan teknologi baru
- memperkukuh pengurusan harta intelek bagi menambahbaik tadbir urus aktiviti R&D

Selain daripada ini, program-program lain yang dilaksanakan untuk menyediakan tenaga kerja mahir bagi menyokong program ETP termasuk penubuhan TalentCorp, pelaksanaan program untuk menyediakan kemahiran khusus kepada siswazah seperti *Industrial Skills Enhancement Programme* (INSEPJ), *Graduate Employment Schemes* (GEM) dan *bridging or specialised training programme*, dan pelaksanaan *Workforce Technical Transformation Programme*

(WTTP) bagi menyediakan latihan kemahiran kepada lepasan sekolah.

Untuk sektor swasta pula, terdapat NKEA khas yang merangkumi 'Education' di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Program dan inisiatif-inisiatif di bawah NKEA ini memastikan bahawa universiti dan institut-institut latihan swasta yang terlibat memberi tunjuk ajar dan kelengkapan sejajar dengan keperluan ETP secara menyeluruh. Kelengkapan bukan sahaja diberikan kepada para pelajar, malah latihan juga diberikan kepada guru-guru supaya tenaga pekerja juga dapat menampung kepada keperluan terikini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                   TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH   10.03.2011   LISA  
                                  N**

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab mengapa laporan forensik ke atas kerugian Sime Darby Bhd yang berjumlah melebihi RM2 billion yang telah disiapkan tetapi tidak dibentangkan di Parlimen seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan di Parlimen bahawa Kerajaan akan membentangkan laporan tersebut apabila ia telah siap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Beberapa tindakan tegas telah diambil oleh Sime Darby ke atas mereka yang terlibat dalam kes kerugian yang telah dialami oleh syarikat, khususnya tindakan guaman seperti berikut:

- i. Pada 23 Disember 2010 terhadap Dato' Seri Ahmad Zubir Murshid, Dato Mohamad Shukri Baharom, Abdul Rahim Ismail, Abdul Kadir Alias dan Mohd Zaki Othman berkenaan dengan Projek Qatar Petroleum,. Projek Maersk Oil Qatar dan Projek Marine; dan

- ii. Pada 24 Disember 2010 terhadap Dato' Seri Ahmad Zubir Murshid, Dato Mohamad Shukri Baharom dan Abdul Rahim Ismail antara lainnya berkenaan dengan Projek Bakun.

2. Pada masa yang sama SPRM juga telah mengambil tindakan dengan mengemukakan kes saman jenayah yang berasingan terhadap tiga individu iaitu Zamri Mohd Iderus, Mazhazmi Jamaludin dan Mohd Zaki Othman, di atas pelbagai tuduhan rasuah yang berkaitan dengan beberapa projek di bahagian Tenaga dan Utiliti di Sime Darby. Kes-kes tersebut sedang melalui proses mahkamah pada ketika ini.

3. Sehubungan dengan itu, Laporan Audit Forensik ke atas kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat di bawah Bahagian Tenaga dan Utiliti Sime Darby Bhd (Sime Darby) tidak dapat didedahkan pada masa ini memandangkan:

- i. tindakan guaman yang telah diambil oleh Sime Darby ke atas mereka yang bertanggungjawab masih pada status awal. Tindakan-tindakan guaman ini sudah pastinya akan "subjudice" kerana pendedahan laporan tersebut akan memberikan defenden-defenden peluang untuk mendapatkan bukti-bukti dan identiti individu-individu yang dinamakan dalam laporan tersebut serta di mana maklumat- maklumat telah diperolehi; dan
- ii. siasatan ke atas Sime Darby dan kakitangannya masih



dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa iaitu Suruhanjaya  
Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah



Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Pendedahan oleh Sime Darby akan hanya menjejaskan siasatan pihak berkuasa.

4. Pendedahan laporan Audit Forensik tersebut jika dilakukan pada masa ini akan hanya memberi faedah kepada defenden-defenden sedangkan matlamat audit forensik serta tindakan guaman yang diambil adalah bagi tujuan menebus kerugian yang disebabkan oleh defenden-defenden.

5. Butir-butir terperinci berkenaan tindakan guaman dan maklumat terperinci mengenai kes sivil yang telah difailkan oleh Sime Darby boleh diperolehi melalui laman web Bursa Malaysia.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL**  
**KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN SALLEH BIN KASBI ( SILAM )**

**TARIKH 10 MAC 2011(KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB. Tuan Salleh bin Kasbi ( Silam ) minta PERDANA MENTERI**  
menyatakan sejauhmanakah Kerajaan khususnya JAWI memantau kehalalan makanan yang disediakan oleh penganut ajaran Qadiani di

**NO. SOALAN: ./f**

negara ini.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, tidak ada maklumat khusus mengenai premis-premis  
perniagaan makanan yang dimiliki oleh pengikut-pengikut ajaran Qadiani  
termasuk di Wilayah Persekutuan. Pihak Jabatan Agama

Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)  
sentiasa memantau keadaan tersebut serta mohon Ahli Yang Berhormat  
mengemukakan maklumat khusus bagi membolehkan pihak JAWI dan JAIN  
mengambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, JAKIM/JAIN dalam melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan  
hanya berdasarkan bahan dan ramuan sahaja dan bukannya mengikut agama  
atau pegangan si pembuat atau pengeluar makanan. Sekiranya ia mengikut  
hukum syarak, maka tiada tindakan boleh diambil jika ia tidak bertentangan  
dengan Standard Malaysia (MS 1500:2009) yang diguna pakai kini.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 18

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATO'TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
(BALING)  
TARIKH : 10.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada ia bercadang untuk mewajibkan lulus mata pelajaran agama dan pendidikan akhlak seperti mana yang diwajibkan ke atas mata pelajaran Sejarah peperiksaan sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti sedia maklum, walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun mata pelajaran tersebut adalah wajib dipelajari oleh semua murid-murid Islam bagi Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral untuk murid-murid bukan Islam. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral merupakan mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh murid-murid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tujuan utama KPM menjadikan mata pelajaran ini sebagai subjek teras adalah untuk melahirkan modal insan yang dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni melalui pendidikan (tarbiah), pengadaban (ta'adib) dan penghayatan nilai.

Rjm 09

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN

Y.B. DATO\* NORAINI BINTI AHMAD  
(PARIT SULONG)

TARIKH

10.03.2011

**SOALAN:**

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) apakah penyelesaian yang diambil oleh Kementerian terhadap isu keselamatan dan kesihatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar yang tidak boleh diambil remeh; dan
- (b) adakah Program Sekolah Sihat pada 1967 dan Program Sekolah Selamat pada 2002 dapat menyelesaikan masalah berikut dan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di sekolah yang mengambil kira sekolah sebagai tempat kerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Pelbagai usaha direalisasikan untuk mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kecemerlangan akademik dan pembangunan insan yang seimbang adalah asas kejayaan sekolah sebagai institusi masyarakat. Pelaksanaan Program 3K (Kebersihan, kesihatan dan keselamatan) merupakan satu inisiatif yang proaktif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi melahirkan sekolah yang mementingkan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan. Dalam melaksanakan program tersebut, KPM memang telah

mewujudkan jawatankuasa bertindak dengan melaksanakan tindakan-tindakan berlandaskan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan buku-buku panduan. **NO. SOALAN: 20**

KPM mengharapkan kesan dari persekitaran sekolah yang selamat dan bersih akan mewujudkan warga sekolah termasuk guru, murid dan pekerja yang bahagia, sihat mental dan emosi, serta mampu memberi tumpuan sepenuhnya kepada bidang tugas masing-masing. Guru dan murid pula dapat melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat menjalani aktiviti kokurikulum dengan selesa. KPM juga sentiasa memastikan syarikat kawalan keselamatan sekolah akan melaksanakan tanggungjawab dengan mematuhi syarat-syarat perjanjian dan bidang tugas berkaitan keselamatan sekolah sepenuhnya.

Rjm 11

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN AZAN BIN ISMAIL</b> <b>[INDERA MAHKOTA]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>10 MAC 2011 (KHAMIS)</b>

#### SOALAN

Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Model Baru Ekonomi (MBE) sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan kejayaannya serta tidak akan mendatangkan masalah seperti pelaksanaan DEB.

#### JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

MBE Bahagian Akhir telah dilancarkan pada 3 Disember 2010 oleh YAB Perdana Menteri. Selepas laporan Bahagian Pertama diterbitkan pada 30 Mac 2010, satu analisa dan penilaian telah dibuat ke atas ekonomi Malaysia. Butiran terperinci 8

*Strategic Reform Initiatives* (SRI) telahpun diketengahkan kepada Kerajaan dan sedang diperingkat penelitian oleh agensi-agensi Kerajaan. Secara dasarnya, Kerajaan telah menerima prinsip-prinsip yang terdapat dalam NEM.

DEB telah berjaya mengurangkan dan membasmi kemiskinan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, MBE bertujuan untuk mencapai status Negara Maju Berpendapatan Tinggi yang mampan dan terangkum. Pendekatan baru ini berasaskan kepada empat (4) prinsip teras iaitu Mesra Pasaran, Telus, dan Berdasarkan Merit dan Keperluan yang akan memastikan keadilan dan kesaksamaan bagi setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum untuk berpeluang menikmati manfaat daripada kemajuan ekonomi negara.

Prinsip yang menjadi pedoman tidak boleh bersandarkan kepada **Kepentingan ramai diutamakan atas kepentingan individu'** tetapi bersandarkan kepada **'Kepentingan Awam yang berasaskan kesaksamaan dan adil'**.

Pada masa sekarang, Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam pelaksanaan setiap SRI yang dicadangkan dalam MBE melalui makmal yang dikendalikan oleh PEMANDU selama 6 minggu di Pusat Latihan MAS di Kelana Jaya yang disertai daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Swasta. Hasil daripada makmal ini akan dijadikan perancangan dalam melaksanakan objektif MBE.

Dalam MBE Bahagian Akhir telah mencadangkan supaya pemantauan dan penilaian dibuat ke atas pelaksanaan MBE. Kejayaan objektif MBE bergantung kepada ketekalan, keberkesanan dan manfaat melalui pelaksanaan langkah-langkah dasar berpandukan 8 SRI.

Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam MBE Bahagian Akhir, Kerajaan komited dan bersungguh-sungguh dalam memastikan kejayaan objektif MBE tercapai.



SOALAN NO.: 21

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN           LISA  
                                  N

DARIPADA             DATUK BILLY ABIT JOO [ HULU RAJANG ]

TARIKH                 10 MAC 2011

SOALAN

**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penempatan semula yang disebabkan oleh projek- projek pembangunan Kerajaan, adakah wujud suatu mekanisme atau badan yang memantau kajian-kajian EIA dan SIA yang dijalankan untuk memastikan kebajikan penduduk yang terlibat dalam penempatan semula dijaga dan kesan-kesan negatif dari segi sosio ekonomi penduduk ini dapat dikurangkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi penempatan semula yang disebabkan oleh projek-projek Kerajaan, penyelarasan pemantauan penempatan semula akan melibatkan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi yang berkaitan dari Kerajaan Pusat. Bagi projek-projek yang tertakluk kepada Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menjalankan penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA.

Laporan EIA yang diluluskan dengan syarat-syarat pelaksanaan akan dijadikan sebahagian dari syarat kelulusan projek oleh pihak yang meluluskan projek sama ada pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri masing-masing.

Dalam hubungan ini, penyediaan Peian Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan-EMP*) merupakan satu daripada syarat kelulusan EIA. Ianya hendaklah disediakan oleh pemaju untuk kelulusan JAS supaya perancangan dan pelan tindakan yang baik disediakan bagi memastikan aspek kawalan alam sekitar yang berkesan diambil oleh pemaju.

Sekian, terima kasih.



DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN                    LISAN

DARIPADA                    :        TUANER TECK HWA [ BAKRI ]

TARIKH                        :        10MAC 2011

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan laporan EIA tapak pelupusan sampah baru di kawasan Pagoh. Adakah laporan tersebut telah lengkap dan dikemukakan:-

- (a) jika ya, bilakah tapak pelupusan sampah tersebut mula beroperasi; dan
- (b) jika tidak, mengapa laporan tersebut diperlambatkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima Laporan EIA Terperinci cadangan pembangunan tapak pelupusan 'sanitary' di Pagoh, Johor Darul Takzim pada 28 Januari 2011. Laporan tersebut sedang diproses oleh pihak JAS dan telah pun dipamerkan untuk ulasan awam dari 7 Februari 2011 hingga 9 Mac 2011.



Sekiranya laporan EIA ini diluluskan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal selaku pemaju projek akan melaksanakan pembangunan projek. Walaubagaimanapun kelulusan laporan EIA adalah perlu sebelum projek dimulakan selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN DING KUONG HUNG**

**KAWASAN SARIKEI**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan projek menaik taraf Jalan Bukit Huang-Sekumang, Tg. Manis. Nyatakan status, sedangkan Kerajaan telah menyatakan hasrat ia akan dilaksanakan dalam *rolling plan* pertama, RMKe-10 pada sesi jawapan Parlimen yang lepas.  
Tuan Yang Di-Pertua;**

## SOALAN NO

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek menaik taraf jalan dari Jalan Bukit Huang/Sekumang, Sarikei sepanjang 15 kilometer dengan standard piawai JKR R3 sememangnya telah dipohon oleh kementerian ini untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM75 juta, termasuk kos pengambilan balik tanah. Walau bagaimanapun berikutan peruntukan Kerajaan yang terhad, pelaksanaan projek ini tidak dapat dipertimbangkan oleh Agensi Pusat. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 10 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERISUMBER MANUSIA menyatakan penambahan ke atas cuti bersalin diberi 90 hari terhadap pekerja wanita di seluruh negara dilaksanakan di bawah Akta Kerja 1955.

PR-000-L42353

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk undang-undang buruh negara termasuk menaikkan pemberian cuti bersalin untuk pekeija termasuk pekerja di sektor swasta ada dikemukakan oleh pihak kesatuan sekerja dan juga NGO kepada kerajaan. Sebarang perubahan terhadap kemudahan cuti bersalin ini akan melibatkan pindaan kepada Akta Kerja 1955, untuk itu, cadangan ini telah turut dibincangkan dalam *Lab Human Capital Development* termasuk *Sub Labs Moderning Labour and legislations* yang sedang berlangsung di Academy MAS, Kelana Jaya. Hasil daripada *Strategic Reform Initiatives Lab* akan digunakan sebagai asas untuk mengkaji semula pemberian cuti bersalin ini.



## JAWAPAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN

NO. AUM : 50

NO. AUP : 0.\$

DEWAN RAKYAT

## PERTANYAAN

DARIPADA LISAN  
TARIKH DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS  
GADING ]  
RUJUKAN 10 MAC 2011  
3356

## SOALAN:

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah jenayah samun dan pencerobohan harta benda khususnya di bandar-bandar, masih banyak berlaku tetapi tidak dilaporkan oleh mangsa sehingga pihak berkuasa menyatakan sebaliknya dan apakah sebab dan masalah yang dihadapi pihak berkuasa dalam mengenalpasti mereka yang bertanggungjawab dan seterusnya menangani masalah ini.

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis menerima semua jenis laporan polis yang dibuat oleh mana-mana individu dan tidak pernah menghalang mereka membuat apa-apa laporan. Tindakan disiplin boleh diambil terhadap anggota polis yang enggan menerima laporan daripada orang awam.

Pihak polis akan menjalankan siasatan berdasarkan laporan polis yang diterima bagi mengesan penjenayah yang terlibat dalam kes jenayah yang dilaporkan termasuk kes jenayah samun dan pencerobohan harta benda. Antara masalah yang dihadapi oleh pihak polis bagi mengenalpasti mereka yang bertanggungjawab dalam kes jenayah samun dan pencerobohan harta benda ialah bagi mendapatkan maklumat berkaitan saspek daripada mangsa terlibat atau pengecaman ke atas saspek. Dalam kebanyakan kes yang berlaku, mangsa tidak dapat membantu dalam membekalkan maklumat tentang saspek atau perkara-perkara lain yang boleh dikaitkan dengan saspek. Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa berusaha mengesan penjenayah terlibat melalui risikan dan siasatan termasuk dengan bantuan unit forensik.





**SOALAN NO. 27**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**

**(TANGGA BATU)**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron (Tangga Batu) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan bilangan kes pembuangan bayi mengikut negeri sejak tahun  
2005.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes pembuangan bayi mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak empat ratus sembilan puluh lapan (498) iaitu enam puluh tujuh (67) kes pada tahun 2005, lapan puluh tiga (83) kes pada tahun 2006, tujuh puluh enam (76) kes pada tahun 2007, satu ratus dua (102) pada tahun 2008, tujuh puluh sembilan (79) pada tahun 2009 dan sembilan puluh satu (91) pada tahun 2010.

Dalam tempoh tersebut (2005 - 2010), Selangor mencatatkan bilangan kes pembuangan bayi yang tertinggi iaitu satu ratus dua puluh lima (125) kes diikuti dengan Johor sebanyak sembilan puluh tiga (93) kes dan Sabah sebanyak tujuh puluh satu (71) kes.

Negeri yang mencatatkan bilangan terendah ialah Perlis iaitu sebanyak satu (1) kes dan Melaka sebanyak lapan (8) kes.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(11)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 10.03.2011**

**Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kos keseluruhan Projek Bakun dan harga jualan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bakun dijangka akan disiapkan pada awal tahun 2012. Sehingga kini, beberapa perbincangan awalan telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak namun kos keseluruhan projek dan harga jualan tersebut masih belum dapat dimuktamadkan. Ini adalah kerana hasil kajian *financial due diligence* terhadap Sarawak Hidro Sdn Bhd, syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab membangunkan Projek Bakun sedang dilaksanakan dan dijangka hanya dapat disiapkan pada akhir bulan Mac 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**SOALAN**

**SOALAN ( 29 )**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI TIONG KING SING [BINTULU! minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN menyatakan**

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi peruntukan serta melaksanakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 500 unit lagi bagi Projek Pembasmian Setinggal di Bahagian Bintulu pada tahun 2011 ini yang pernah diluluskan pada tahun terdahulu; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai peruntukan tambahan untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak terutama Bahagian Bintulu melaksanakan Projek Perumahan Setinggal ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pada masa ini Kerajaan telah meluluskan pembinaan 1,000 unit rumah pangsa 5 tingkat di Kemena, Bintulu, Sarawak. Projek tersebut dijangka siap pada tahun 2012. Rumah ini akan



ditawarkan kepada penduduk setinggan dan golongan berpendapatan rendah di kawasan Bintulu, Sarawak.

- b) Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengemukakan permohonan sekiranya terdapat keperluan tambahan untuk pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Sarawak di bawah Rolling plan ke-2 Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK-10).

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

NO SOALAN : 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

TARIKH

10 MAC 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Apakah kriteria untuk rakyat Malaysia dipilih untuk rancangan FELDA: dan
- (b) Sila beri kedudukan/penempatan di FELDA mengikut kaum di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN**  
**MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat kriteria tertentu untuk rakyat Malaysia dipilih memasuki tanah rancangan FELDA. Calon-calon yang terpilih memasuki tanah rancangan mestilah memenuhi syarat di bawah Peruntukan 19, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 iaitu warganegara Malaysia dan

tidak memiliki tanah atau memiliki tidak lebih daripada 2 ekar tanah. Pemilihan juga adalah berdasarkan calon mestilah berumur 18 tahun ke atas, berumahtangga dan mempunyai latar belakang dalam bidang pertanian. Lazimnya calon-calon peneroka adalah dari luar bandar, berada dalam keadaan miskin atau miskin tegar. Mereka menjalani proses temuduga yang dilaksanakan secara bersama antara FELDA dan Kerajaan Negeri. Sistem pemilihan adalah berdasarkan calon yang memenuhi kriteria-kriteria ini serta menunjukkan minat untuk memasuki tanah rancangan. Terdapat juga kelonggaran diberikan kepada anggota keselamatan negara iaitu dikalangan pesara tentera dan had umur yang dibenarkan ialah 50 tahun. Pengambilan peneroka ini dilaksanakan sejak pembukaan tanah secara besar-besaran oleh FELDA pada tahun 1960 hinggalah akhir tahun 1989. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada lagi pengambilan peneroka baru selepas tarikh ini berikutan keputusan Kerajaan untuk tidak lagi mengambil peneroka mulai 1 Januari 1990.

- b) Pada masa ini, seramai 112,635 peneroka ditempatkan di 317 buah rancangan seluruh Negara. Seramai 108,322 peneroka adalah terdiri daripada kaum Melayu, diikuti seramai 1,097 kaum Cina, 1,522 kaum India dan lain-lain seramai 1,694 orang peneroka.

000000000000000000



NO. SOALAN g f

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : USAN

TARIKH : 10 Mac 2011

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN [ KENINGAU ]

**SOALAN:**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin kitingan [ Keningau ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Jabatan Imigresen Malaysia masih mengeluarkan kad-kad IMM 13 kepada pendatang asing dari Filipina di negeri Sabah, dan kalau ya, berapakah jumlah kad IMM 13 yang telah dikelurakan dalam tahun 2010.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan dokumen IMM13 kepada pendatang asing dari Filipina pada tahun 70an akibat daripada peperangan di Filipina ketika itu. Namun begitu, pada masa ini, Jabatan Imigresen Malaysia tidak lagi mengeluarkan dokumen IMM13 baru kepada pendatang asing tanpa izin tetapi pemegang sedia ada perlu memperbaharui IMM13 mereka setiap tahun dengan bayaran M90.00.

Dalam tahun 2010, sebanyak 43,303 dokumen IMM 13 telah diproses di seluruh Sabah. Daripada jumlah ini, sebanyak 40,303 dokumen IMM13 yang telah diperbaharui kepada pemegang sedia ada manakala baki 3,000 dokumen IMM 13 diberikan kepada anak-anak pemegang dokumen IMM 13 yang telah mencapai dewasa. Anak-anak pemegang dokumen IMM 13 ini hanya layak untuk memohon pemisahan dokumen IMM 13 daripada ibu dan bapa mereka sekiranya nama mereka dikembarkan dalam dokumen IMM 13 milik ibu bapa mereka atau memiliki dokumen pendaftaran kelahiran di Malaysia.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.: 3 2-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**KAWASAN TANJONGMALIM**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Laluan 1, iaitu dari Slim River ke Tanjong Malim dari dua lorong ke empat lorong. Laluan ini adalah jalan bertol pertama di Malaysia yang telah dibina pada tahun 1964 dan merupakan satu-satu jalan di Perak yang belum lagi dinaikkan taraf.  
Tuan Yang Di-Pertua;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya (HNDP) untuk Semenanjung Malaysia (2008) sememangnya telah mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 1 FT01 dari Slim River ke Tanjong Malim, Perak.**



## **JAWAPAN**

**Cadangan projek ini merupakan kesinambungan dari Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 1 dari Slim River ke Bidor sepanjang 36 kilometer yang telah disiapkan pada RMKe-8. Skop projek menaik taraf Jalan Persekutuan 1 FT01 dari Slim River ke Tanjong Malim ini melibatkan cadangan menaik taraf jalan 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) sepanjang 25 kilometer dari Slim River ke Tanjong Malim dengan standard piawai JKR R5. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM180 juta, tidak termasuk kos pengambilan balik tanah.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini sememangnya diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Sehubungan itu, kementerian ini akan berusaha dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan pelaksanaan projek ini diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.**



NO SOALAN: 33

PEMBERITAHU  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN  
BIN RAFIQUE (SETIAWANGSA)

TARIKH

10.03.2011  
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) apakah perancangan Kerajaan di dalam mempertingkatkan kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia di dalam tempoh 10 tahun akan datang; dan
- (b) tahap pelaksanaan pembangunan industri penyelenggaraan peralatan ketenteraan tempatan setakat ini dan bagaimana ianya akan diperkembangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan Kerajaan dalam mempertingkatkan kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dibangunkan melalui pelan pembangunan ATM atau Pelan 4D MAF yang merupakan landasan atau *road map* untuk tempoh jangka panjang iaitu dari tahun 2009 hingga 2020 dan seterusnya.



Strategi pembangunan ini sejajar dengan konsep pertahanan yang termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN), Strategi Ketenteraan Negara (SKN), doktrin-doktrin perkhidmatan tunggal dan idea-idea inovatif tentang konsep peperangan masa hadapan.

Penyatuan (*synchronization*) di antara elemen-elemen *hardware* dan *software* seperti sumber manusia, kuasa tembakan, mobiliti, komunikasi dan logistik disamping kaedah (*method*) yang berkesan adalah faktor penentu yang mempengaruhi kesiagaan ATM ke tahap optimum.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam aspek sumber manusia/modal insan, pembangunan secara komprehensif dari sudut pemikiran, pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, emosi dan spiritual sangat penting untuk memupuk jati diri dan semangat daya juang yang tinggi. Program-program khas juga telah mula dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan menitikberatkan kemahiran pelbagai atau *multi-skill* bagi melahirkan modal insan yang profesional, versatil dan berdaya saing. Prinsip pembangunan modal insan berkualiti berpaksikan *knowledge, skill and attitude* adalah satu proses yang berterusan.

Aspek yang telah dinyatakan ini merupakan teras kepada pembangunan keupayaan ATM secara menyeluruh. Perlu diperakui bahawa untuk membangunkan sebuah angkatan yang berkredibel memerlukan premium yang tinggi. Dengan itu, ATM sentiasa berusaha membangun dan meningkatkan kesiagaan dengan bajet yang diperuntukan dengan cara berhemah dan '*value for money*'.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pertanyaan pembangunan industri penyelenggaraan peralatan ketenteraan tempatan, pada masa ini adalah di tahap sederhana dan masih ada peralatan yang dihantar ke pihak pembuat / pembekal luar negara (*Originated Equipment Manufacturer -OEM*) untuk tujuan penyelenggaraan. Kerajaan tidak menafikan kekangan yang dihadapi dalam membangunkan sektor penyelenggaraan peralatan ketenteraan iaitu aspek pembinaan teknologi, pelaburan yang tinggi, spesifikasi yang rigid, pasaran terhad dan persaingan dengan negara-negara berteknologi tinggi dan maju dalam bidang *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO).

Menyedari hakikat ini beberapa usaha telah dijalankan oleh penggiat industri pertahanan dalam memperluaskan dan meningkatkan kemampuan perkhidmatan penyelenggaraan seperti mengadakan kerjasama serantau dengan negara-negara lain serta inisiatif Kerjasama Awam-Swasta (*Public-Private Partnership*) yang mula dijalankan oleh penggiat industri bagi melonjakkan sektor penyelenggaraan peralatan ketenteraan ini.

Selain itu, hasil dari rundingan program *offsets* juga telah membolehkan syarikat-syarikat industri pertahanan menerima pemindahan teknologi dan melaksanakan kontrak penyelenggaraan bagi peralatan ketenteraan yang telah dikenalpasti. Melalui penubuhan Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP), sektor penyelenggaraan ini dijangka akan terus berkembang dengan fokus bukan sahaja kepada aeroangkasa, automotif dan maritim, malah dijangka akan meningkatkan penyelenggaraan bagi industri ICT dan barangan guna sama pertahanan.

**SOALAN NO. 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM)**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan jumlah kes yang melibatkan hal ehwal dan undang-undang  
keluarga dari 2000-2010 dan sila nyatakan perkembangan terkini  
rancangan Kerajaan untuk menubuhkan Mahkamah Keluarga ataupun  
*"Family Court"*.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan kepada statistik kes-kes keluarga dari tahun 2005 hingga

## JAWAPAN

tahun 2010, adalah didapati jumlah kes keluarga yang tertunggak di Mahkamah Tinggi di seluruh negara masih dalam bilangan yang kecil dan tidak mendesak bagi penubuhan Mahkamah Keluarga. Sebagai contoh, kes keluarga yang tertunggak pada tahun 2010 di Mahkamah Tinggi Selangor adalah sebanyak 339 kes, Mahkamah Tinggi Kelantan 41 kes, Mahkamah Tinggi Kedah 144 kes dan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang 182 kes.

Selain itu, langkah menubuhkan Mahkamah Keluarga perlu dirancang secara teliti dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keberkesanan kos, kesesuaian lokasi serta keperluan mendesak berdasarkan bilangan kes tertunggak. Sebagai langkah sementara, usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi mewujudkan persekitaran Mahkamah yang lebih mesra keluarga. Antara lain, pengubahsuaian ke atas bilik bicara dengan menyediakan bilik yang kondusif dan selamat bagi kanak-kanak semasa perbicaraan dijalankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

PERTANYAAN : LISAN



TARIKH : 10.03.2011

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) berapakah subsidi yang diberikan Kerajaan kepada rakyat Malaysia pada tahun 2010;
- (b) nyatakan subsidi bagi beras, gas memasak, gula dan tepung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan bagi subsidi/ insentif/bantuan untuk tahun 2010 adalah berjumlah RM23.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM14.2 bilion adalah untuk subsidi, RM543.6 juta untuk insentif manakala RM8.4 bilion untuk bantuan.

2. Perbelanjaan bagi subsidi beras, gas memasak, gula dan tepung bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Subsidi	Perbelanjaan 2010
1.	Subsidi Harga Beras (Beras Jenis ST15)	RM167.7 juta
2.	Subsidi Gas Memasak (LPG)	RM1.7 bilion
3.	Subsidi Gula	RM788.2 juta
4.	Subsidi Tepung Gandum	RM88.2 juta

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WONG HO LENG (SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10,03.2011**

**Tuan Wong Ho Leng (Sibu) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah sumbangan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010. Berapakah Sarawak dapat kembali dalam segi peruntukan kewangan, program dan projek.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahii Yang Berhormat, jumlah sumbangan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan yang meliputi cukai langsung dan cukai tidak langsung dari tahun 2005 hingga 2010

adalah sebanyak RM21,798 juta. Butiran lanjut sumbangan ini mengikut tahun dan pecahan cukai langsung dan tidak langsung saya sertakan bersama seperti di **Lampiran A** untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan hasil cukai tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan daripada negeri yang berkenaan. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDRM). Misalnya terdapat syarikat yang beroperasi di Sarawak tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur kerana ibu pejabat syarikat tersebut berada di sana.

3. Jumlah peruntukan kewangan, program dan projek daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sarawak dari tahun 2005 hingga 2010 jumlahnya adalah sebanyak RM20,114 juta. Butiran lanjut baginya mengikut tahun saya sertakan seperti di Lampiran A untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

**Kutipan Hasil Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung Dari Tahun 2005 Hingga 2010 (RM juta)**

Tahun	Cukai Langsung (RM juta)	Cukai Tidak Langsung (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2005	2,289	931	3,220
2006	2,135	1,044	3,179
2007	2,529	1,150	3,679
2008	2,838	1,553	4,391
2009	2,651	924	3,575
2010	2,823	931	3,754
<b>Jumlah</b>	<b>15,265</b>	<b>6,533</b>	<b>21,798</b>



**Dato' Seri Haji Azmi<sup>7</sup> bin Khalid (Padang Besar)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kaedah yang berkesan yang diperkenalkan setakat ini untuk membolehkan orang awam melaporkan secara '*real time*' di jalan-jalan raya dan lebuhraya mengenai lori-lori atau bas-bas awam yang dipandu secara merbahaya.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, masih belum ada lagi sistem yang membolehkan orang awam melaporkan secara '*real time*' dan seterusnya mendapat tindakan secara serta-merta daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Walau bagaimanapun, perkara ini telah diambil kira dalam projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ iaitu melalui pembangunan Sistem Aduan Kenderaan dan Sikap Pemandu (SAKSI).

Sistem ini merupakan satu sistem elektronik yang membolehkan orang ramai membuat aduan melalui pelbagai medium seperti telefon, faks, e-mel, sistem pesanan ringkas

(sms) dan sebagainya ke satu nombor secara terns kepada pihak JPJ. Semua aduan ini akan disalurkan dengan serta merta ke sebuah Pusat Panggilan (Call Centre) yang berpusat di Ibu Pejabat JPJ. Aduan ini kemudiannya terus disalurkan kepada Biiik Kawalan Negeri yang seterusnya akan mengeluarkan arahan kepada anggota Penguatkuasa JPJ yang bertugas di atas jalan melalui sistem GIRN (*Government Integrated Radio Network*). Melalui pendekatan ini, tindakan serta-merta boleh dilakukan ke atas aduan-aduan orang ramai terhadap kenderaan atau pemandu.

NO. AUM : 62

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>10 MAC 2011</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3359</b>

**SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengenakan kawalan terhadap media dalam internet dengan menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) tanpa kelulusan Parlimen. Apakah kawalan dalam bentuk ini bercanggah dengan jiwa termaktub dalam perjanjian di antara kerajaan Malaysia dengan syarikat ICT asing dalam Multi Media Super Corridor.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Izinkan saya menjawab soalan dari Y.B. **Seputih** ini bersekali dengan Y.B. **Petaling Jaya Selatan**, Y.B. **Tumpat** dan Y.B. **Balik Pulau** yang menyentuh mengenai status cadangan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan **tidak pernah** mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri **masih lagi di peringkat awal perbincangan** untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak

dalam saluran atas talian (*on-line*). Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

**NO SOALAN: 39**

PEMBERITAHU  
PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD  
SADIQUE (TENGGARA)

TARIKH

10.03.2011  
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah usaha memperkenalkan modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PKRS) kepada pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dapat meningkatkan kesedaran pelatih terhadap permasalahan masyarakat khususnya yang bersesuaian dengan keperluan remaja masa kini dan nyatakan langkah bagi memastikan modul berkenaan mengambil kira keperluan dan sensitiviti pelbagai kaum negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PKRS) akan mula diperkenalkan di dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bermula dari Kumpulan 2, Siri 8/2011 yang dijangka akan bermula pada 15 Mei 2011 akan datang. Modul ini merupakan antara usaha Kerajaan meningkatkan kesedaran pelatih bagi menangani masalah gejala sosial yang semakin berleluasa. Para pelatih akan diterapkan dengan

pengetahuan dan kemahiran khusus supaya mereka mampu menjaga maruah dan harga diri dalam melayari kehidupan masa kini.

Modul PKRS akan membentuk golongan remaja yang sihat, berdaya tahan (*resilient*), berakhlak, bertanggungjawab serta berupaya menghadapi cabaran perubahan dalam kehidupan masa kini. Modul ini digubal selaras dengan dasar-dasar dan perundangan negara serta komitmen Kerajaan terhadap perjanjian-perjanjian antarabangsa. Agama dan nilai-nilai murni amat penting untuk jati diri remaja. Oleh itu, modul ini turut menyelitkan unsur-unsur tersebut. Ini adalah bezanya antara pendidikan kesihatan reproduktif acuan Malaysia berbanding negara-negara barat. Bagi menarik minat remaja dan golongan muda, modul ini dibentuk secara interaktif dengan menggunakan kaedah main peranan, sketsa, kerja kumpulan dan perbincangan. Objektif modul adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para remaja untuk membuat pilihan bijak berhubung isu kesihatan reproduktif dan sosial mereka.

Tuan Yang DiPertua,

Modul ini telah dibangunkan dengan mengambilkira keperluan dan sensitiviti kaum, agama dan budaya. Semasa pembangunan modul PKRS, Kementerian telah mendapatkan input dan maklumbalas daripada pelbagai agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti:

- a. Kementerian Kesihatan
- b. Kementerian Pelajaran
- c. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan
- d. *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism Malaysia.*



NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN 10</b>
<b>TARIKH</b>	<b>MAC 2011 (KHAMIS)</b>
<b><u>SOALAN:</u></b>	

**Y.B. Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian kepada program Koridor Utara yang telah terlaksana dan memberi manfaat kepada rakyat di kawasan terbabit.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penubuhan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) pada tahun 2008 antara lain mempunyai objektif untuk menjadikan suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan melalui pembangunan sosio-ekonomi kepada rakyat.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melaksanakan 31 program dan projek yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi NCER. Program dan projek tersebut telah menyediakan pelbagai peluang perniagaan kepada syarikat tempatan dan antarabangsa, serta pekerjaan dan pendidikan kepada penduduk.

Sejajar dengan Plan Induk NCER, wilayah ini dirancang sebagai pusat logistik di Wilayah Utara dengan pelbagai projek infrastruktur dilaksanakan oleh pelbagai Jabatan dan Agensi berkaitan termasuk Kerja-kerja Naik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang.



Infrastruktur ini bakal disepadukan dengan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dengan cadangan pembinaan Landasan Keretapi Berkembar Ipoh - Butterworth - Padang Besar dan Penang Sentral sebagai hab bersepadu pengangkutan.

Dari segi pembangunan modal insan, sejumlah 7,700 peserta telah dilatih di bawah pelbagai program bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam industri di bawah sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan keusahawanan. Selain itu, di bawah Program SawahKU Maju di Kedah yang dilaksanakan oleh NCIA, ianya telah memanfaatkan 30,000 pesawah melalui peningkatan hasil padi sebanyak 10 peratus. Ini telah membantu meningkatkan pendapatan dan seterusnya menaiktaraf kehidupan para pesawah.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pelbagai inisiatif telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh NCIA yang menekankan transformasi dan perkembangan di dalam sektor-sektor teras NCER iaitu pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang merangkumi sektor pelancongan dan logistic yang diperkukuhkan oleh pemboleh utama iaitu modal insan, teknologi dan infrastruktur. Antara projek- projek utama yang akan dilaksanakan adalah Pusat Inkubator Bioteknologi, Pusat Pemprosesan Daging Ternakan di Juru, Pulau Pinang, Zon Industri Pauh di Perlis dan Kompleks Akuakultur di Selinsing, Perak. Dari segi pelaburan, NCIA telah berjaya memangkin pelaburan sebenar swasta dalam dan luar negara berjumlah RM6.08 bilion dalam tahun 2010.

Secara amnya, program dan projek pembangunan yang dilaksanakan di NCER adalah selaras dengan usaha Kerajaan di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk memenuhi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) bagi mencapai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) yang akan memberi manfaat sosio-ekonomi kepada rakyat di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.



NO SOALAN : 41

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS,  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN**  
**DARIPADA                TUAN MOHD NIZAR BIN**  
**ZAKARIA (PARIT)**  
**TARIKH                    10 MAC 2011**  
**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan** sejauh manakah peruntukan yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) berjaya melahirkan usahawan di kalangan pelatih GIATMARA dan Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh negara.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) GIATMARA telah diluluskan peruntukan sebanyak **66 juta ringgit**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **40 juta ringgit** telah diperuntukkan bagi melahirkan **8,000** usahawan menerusi Program Inkubator. Bagi tahun pertama RMKe-10 ini, sebanyak **4.8 juta ringgit** diperuntukkan dengan sasaran seramai **960 orang** usahawan bakal dilahirkan.

Manakala bagi Institut Kemahiran MARA (IKM) / Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), sebanyak **788 juta 550 ribu ringgit** telah diluluskan dalam RMKe-10. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khusus yang diterima bagi mengadakan program keusahawanan. Namun begitu, bagi menerapkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan

kepada pelajar- pelajar, subjek keusahawanan dijadikan subjek wajib bagi setiap semester di semua IKM / KKTM. Di samping itu juga, MARA turut melatih graduan-graduan IKM / KKTM yang berminat untuk menjadi usahawan melalui Program Inkubator Teknikal.

#### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA  
SELATAN]**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

#### **SOALAN**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) kenapakah Kerajaan membuat dakwaan terhadap lanun Somalia yang ditangkap di Teluk Aden di Malaysia sedangkan ia berlaku di luar sempadan Malaysia; dan
- (b) nyatakan Rang Undang-Undang yang sedia ada atau cara alternatif yang boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk mendakwa lanun Somalia yang ditangkap.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

NO. SOALAN:42

1. Berhubung dengan soalan di perenggan (a), untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, tujuh orang lanun Somalia yang telah ditangkap oleh pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 20 Januari 2011 telah melakukan perbuatan pelanunan (*act of piracy*) di laut lepas (*high seas*) yang merupakan suatu kawasan di luar wilayah semua negara, termasuk Malaysia. Dalam hal sedemikian, bidang kuasa jenayah terhadap apa-apa kesalahan yang dilakukan di kawasan tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang domestik Malaysia serta prinsip dan undang-undang antarabangsa.

2. Malaysia telah memutuskan untuk membawa pulang lanun Somalia yang berjaya ditangkap itu ke Malaysia untuk disiasat dan, tertakluk kepada undang-undang sedia ada, untuk didakwa kerana serangan bersenjata telah dilakukan ke atas kapal dan anggota pasukan Angkatan Tentera Malaysia yang sedang menjalankan tugas rasmi untuk membanteras pelanunan di Laut Aden di bawah mandat resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Serangan menggunakan senjata api merupakan kesalahan serius di bawah undang-



NO. SOALAN :42

undang Malaysia apatah lagi apabila serangan itu dilakukan terhadap kapal dan anggota Angkatan Tentera Malaysia.

3. Tujuh orang lanun Somalia yang ditangkap itu telah didakwa mengikut seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] kerana melakukan kesalahan berjadual iaitu rompakan dan melepaskan tembakan senjata api ke arah pasukan Angkatan Tentera Malaysia di atas kapal MT Bunga Laurel pada koordinat Latitud 20'14.73N Longitud 083'.39.96E, 250 batu nautika dari perairan Oman pada 20 Januari 2011. Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dihukum mati.

4. Tindakan Malaysia juga selaras dengan kehendak di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan dengan "*The Situation in Somalia*", khususnya Resolusi 1897, 1918 dan 1950, yang menggalakkan Negara-Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghadapi lanun yang ditangkap menurut mandat Majlis Keselamatan itu ke muka pengadilan.

5. Malaysia juga mengambil maklum akan obligasinya sebagai Negara Pihak kepada *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982*

NO. SOALAN:42

(UNCLOS). Di bawah Perkara 100 UNCLOS, semua negara dikehendaki bekerjasama sepenuhnya untuk membanteras pelanunan di laut lepas atau di mana-mana tempat di luar bidang kuasa mana-mana negara. Dalam hal ini, perbuatan jenayah maritim di Teluk Aden itu dianggap pelanunan mengikut takrif pelanunan di bawah Perkara 101 UNCLOS, yang juga disifatkan oleh kebanyakan negara sebagai takrif undang-undang yang terpakai bagi jenayah *piracy by the law of nations*.

6. Selain itu, seksyen 127A Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] memperuntukkan bahawa apa-apa kesalahan yang diperakukan oleh Peguam Negara sebagai suatu kesalahan yang memberi kesan ke atas keselamatan Malaysia boleh diuruskan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam mana-mana tempat dalam Malaysia.

7. Berhubung dengan soalan di perenggan (b), apa-apa tindakan pendakwaan ke atas sesuatu kesalahan adalah berdasarkan fakta dan keterangan yang didapati hasil daripada siasatan yang dijalankan. Tujuh orang lanun Somalia yang ditangkap itu telah didakwa mengikut seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37].

8. Selanjutnya, bagi maksud menangani secara khusus pelanunan dan

NO. SOALAN:42

jenayah maritim lain yang berkaitan di laut lepas dan di tempat lain di luar bidang kuasa mana-mana negara, tindakan sedang diambil untuk memperkukuh rangka perundangan Malaysia. Apa-apa undang-undang yang dicadangkan pada masa hadapan bagi membolehkan Malaysia menuntut bidang kuasa atas kesalahan-kesalahan tersebut, khususnya kesalahan yang dilakukan di laut lepas perlu mempunyai bidang kuasa luar wilayah (*extra-territorial jurisdiction*) selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang terpakai.

Sekian, terima kasih.





NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]

TARIKH 10 Mac 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah sumbangan RM500.00 kepada mangsa banjir 2010 dalam negeri Kedah menggunakan saluran parti politik, tidak menggunakan saluran jabatan kerajaan negeri atau persekutuan, serta berapakah jumlah yang diagihkan dan bilangan penerima.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pemberian bantuan ihsan kepada mangsa banjir disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) iaitu merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Bantuan ihsan ini pada kebiasaannya akan disampaikan kepada masyarakat melalui Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Menteri-

Menteri Kabinet, Menteri-Menteri Besar/ Ketua-Ketua Menteri, Exco Negeri, Ahli Yang Berhormat, pemimpin Badan Berkanun atau Pegawai Kerajaan Persekutuan yang dipilih untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa- mangsa banjir tersebut.

Bagi kejadian bencana banjir negeri Kedah pada tahun 2010, seramai 30,948 ketua keluarga telah menerima bantuan ihsan bencana banjir yang melibatkan sejumlah RM15,474,000.00 .

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM

NO. AUP : Vr

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ]

10 MAC 2011

TARIKH

3350

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dapatkah Kerajaan memberi pertimbangan khas untuk mengurangkan harga pasport terhad daripada RM150.00 ke RM50.00 untuk penuntut-penuntut sekolah kerana kedudukan Daerah Limbang yang unik dikelilingi oleh negara asing.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Limbang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan peka akan rungutan orang awam mengenai harga pasport Malaysia yang dikatakan sangat mahal dan tidak berpatutan. Justeru itu, bagi meringankan bebanan rakyat, Kerajaan telah mengurangkan harga Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) sehingga 50% iaitu daripada RM300 kepada RM150 khusus kepada pelajar yang mendapatkan tawaran pengajian di luar negara dan gratis bagi golongan kurang upaya berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi Pasport Malaysia Terhad Brunei (PMTB), Kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk mengurangkan harga daripada RM 150.00 kepada RM50.00 kerana fi yang dikenakan adalah munasabah bagi tempoh sah laku selama 5 tahun. Secara dasarnya fi yang dikenakan adalah RM30 bagi setiap tahun. Sungguhpun begitu Kerajaan amat prihatin dengan kebajikan rakyat dan masalah kehabisan muka surat bagi mereka yang sering melakukan perjalanan kerap ke Brunei menggunakan PMTB. Bagi menangani masalah tersebut, Kerajaan akan melaksanakan kemudahan *Frequent Travelers Facility* (FTF) menggunakan medium

pasport menerusi kaedah semakan automasi tanpa pasport perlu di cop. Kaedah ini akan mengatasi masalah kehabisan muka surat dan mengurangkan keperluan pembaharuan PMTB secara kerap. Adalah diharap dengan pelaksanaan kemudahan FTF Malaysia - Brunei kelak dapat meringankan beban rakyat serta melancarkan pergerakan pengembara kerap yang menggunakan PMTB ke Brunei.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
NO SOALAN : 46

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)
TARIKH	10.03.2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) dalam tempoh masa tahun 2001 hingga 2010, jumlah perolehan dan jenis senjata baru untuk Tentera Udara, Tentera Laut dan Tentera Darat Negara; dan
- (b) nyatakan kesemua perjanjian dan persefahaman di antara negara-negara asing dengan negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan membuat pembelian senjata api daripada beberapa buah negara yang dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan perolehan dan kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebanyak 32 perolehan pembelian senjata telah dilaksanakan oleh

Kementerian Pertahanan dalam tahun 2001 hingga 2010 yang melibatkan 23 jenis sistem persenjataan.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah menandatangani sebanyak 22 perjanjian persefahaman (MOU) dengan negara-negara asing. Negara-negara yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. Albania,
- b. Australia,
- c. Brunei,
- d. Chile,
- e. China,
- f. Filipina,
- g- Itali,
- h. India,
- i. Indonesia,
- j- New Zealand,
- k. Pakistan,
- l. Perancis,
- m. Papua New Guinea,
- n. Rusia,
- o. Sweden,
- P- Sepanyol,
- q- Afrika Selatan,
- r. Sudan,
- s. Turki,
- t. Ukraine,
- u. United Kingdom dan
- V. Vietnam.

Secara amnya, perjanjian-perjanjian persefahaman Malaysia dengan negara asing adalah sebahagian daripada konsep diplomasi pertahanan bagi memajukan usaha-usaha keamanan dan kemakmuran sejagat. Konsep ini secara tidak langsung mewujudkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan membantu meningkatkan imej negara di mata dunia.



SOALAN NO. 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM</b> <b>[ARAU]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>10 MAC 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Meminta MENTERI PELANCONGAN</b> <b>menyatakan:</b>

Setakat manakah kini program menjadi negeri Perlis sebuah negeri tarikan pelancongan dan apakah proses transformasi yang sedang dilaksanakan Kementerian untuk menjayakan program tersebut, sejauh manakah ianya telah berjaya setakat ini.

**JAWAPAN**  
Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sememangnya sentiasa memberikan perhatian kepada negeri-negeri di Malaysia untuk menjadi destinasi pelancongan termasuklah Negeri Perlis. Mengikut rekod, jumlah pelawat tempatan (pelancong domestik dan *excurtionist*) yang telah melawat Negeri Perlis pada tahun 2008 adalah seramai 496,163 orang dan pada tahun 2009 adalah seramai 672,393 orang iaitu peningkatan sebanyak 35.53%. Bagi terus menjadikan Negeri Perlis sebagai negeri tarikan pelancong, Kementerian Pelancongan telah mengenal pasti beberapa produk utama/program di Perlis untuk tahun 2011.

Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan RM17 juta (*1st Rolling Plan* tahun 2011 dan 2012) untuk mentransformasi Negeri Perlis sebagai destinasi pelancongan.

## **Gua Kelam**

Gua Kelam telah dikenal pasti sebagai destinasi pelancongan yang berpotensi untuk dipasarkan kerana keunikannya. Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.26 juta untuk menyediakan kemudahan asas pelancongan di Gua Kelam. Untuk mempertingkatkan lagi kemudahan dan penambahbaikan produk ini, di bawah RMKe-10, kerajaan telah menyediakan siling peruntukan sebanyak RM3 juta bagi *1st Rolling Plan* (tahun 2011-2012) untuk melaksanakan projek taman di dalam Gua Kelam atau pun dengan izin "Secret Garden", ia dijangkakan akan dapat menarik minat lebih ramai pelancong ke Gua Kelam apabila taman ini siap kelak.

## **Jeti Kuala Perlis**

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk menaik taraf Jeti Kuala Perlis sebagai salah satu usaha transformasi pelancongan di Perlis. Dengan penambahbaikan kemudahan yang disediakan, lebih ramai pelancong dijangka akan datang untuk melawat Perlis terutamanya pelancong yang menggunakan jeti ini untuk ke Langkawi dan sebaliknya.

**c) Pekan Kuala Perlis**

Rancangan Malaysia Ke-10 telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di Pekan Kuala Perlis. Dengan penambahbaikan infrastuktur laluan pejalan kaki, dataran rehat, papan tanda pelancongan, lampu limbah dan pelbagai lagi, ini akan dapat menjadikan Pekan Kuala Perlis sebagai destinasi tarikan pelancong terutamanya pelancong dari Thailand dan pelancong yang melawat Langkawi memandangkan Jeti Kuala Perlis adalah merupakan salah satu pintu masuk dari Langkawi ke Semenanjung Malaysia.

**d) Sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru**

Sebanyak RM4 juta telah diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk pengindahan Sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru. Pembinaan trek basikal, penambahbaikan landskap and papan tanda nama akan menggalakkankan aktiviti berbasikal dan mendayung sampan di Sungai Perlis terutamanya pelancong yang ingin merasai pengalaman tersebut di Sungai Perlis. Di bawah peruntukan yang sama, penanaman Pokok Berembang untuk pembiakan kelip-kelip akan

dilaksanakan sebagai salah satu lagi produk tarikan pelancong ke Negeri Perlis.

### **Penyediaan Penginapan**

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, sebanyak RM3 juta telah dibelanjakan untuk membina Hotel Seri Malaysia Perlis sebagai tambahan kepada 8 hotel sedia ada yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan. Penambahan penginapan ini adalah untuk keselesaan dan menampung kedatangan para pelancong ke Perlis susulan dari program/aktiviti dan penambahbaikan produk pelancongan yang telah dilaksanakan.

### **“Malaysian Homestay Railway Tourism”**

Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan agensi-agensi swasta yang lain telah memperkenalkan program, “Malaysian Homestay Railway Tourism”. Program ini menawarkan perkhidmatan untuk pelancong merasai pengalaman unik dalam penjelajahan ke Homestay yang dituju. Jaringan laluan dari Singapura ke laluan pantai barat dan timur semenanjung Malaysia melibatkan 10 buah negeri termasuk Perlis. Bagi program Malaysian Homestay Railway Tourism di Negeri Perlis, pelancong akan turun di stesen kereta api Padang Besar dan akan diberi pilihan untuk ke Homestay

Ujong Bukit, Homestay Paya Guring atau Homestay Felda Mata Ayer.

Ahli Yang Berhormat,

Selain pembangunan produk baru, Kementerian Pelancongan telah menyusun pelbagai program/acara di Negeri Perlis untuk tahun 2011 seperti:-

- Pesta Angin Timur yang telah dilaksanakan oleh Kementerian

Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan pada 26 dan 27 Februari 2011 di Kampung Banir Tembus, Sanglang, bersekali dengan acara "Tumbuk Sambal Belacan Teramai" untuk tujuan direkodkan di dalam "Malaysia Guinness Book of Record". Seramai anggaran 1,000 orang peserta tempatan, domestik dan Thailand telah memeriahkan acara ini.

Acara/program akan datang pula adalah :

- *Perlis Fabulous Food and Culture* pada Mac 2011 di Jeti Penumpang Kuala Perlis;
- *1 Malaysia Contemporary Art* pada Jun 2011 di Geleri

DiRaja Arau;

- Pesta Sungai Perlis 2011 *dan 1 Malaysia Green 1 Malaysia Clean* pada April 2011 di Sungai Perlis;
- Siri program *1Malaysia Green 1Malaysia Clean* di Homestay Paya Guring, Homestay Felda Mata Ayer dan Homestay Ujong Bukit.

Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kerajaan Kerajaan Negeri, Tourism Malaysia dan agensi-agensia pelancongan juga telah menyediakan pakej-pakej pelancongan, dengan izin, “3 in 1” yang menggabungkan destinasi pelancongan Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, dan pakej pelancongan yang menggabungkan Langkawi dan Perlis. Pelbagai usaha juga dijalankan untuk mewujudkan pakej-pakej pelancongan yang melibatkan Thailand, Negeri Perlis dan Langkawi. Usaha ini adalah merupakan salah satu program transformasi oleh Kementerian Pelancongan untuk melonjakkan Perlis sebagai destinasi pelancongan di Malaysia.

Kementerian pelancongan berharap dengan tumpuan yang lebih diberikan kepada Negeri Perlis pada tahun ini dan Rancangan Malaysia Ke-10, dijangkakan jumlah bilangan pelancong ke Negeri Perlis akan meningkat.

SOALAN NO: 48

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR  
TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pendakwaan yang telah dilakukan terhadap ahli politik atau yang terlibat dengan penghinaan terhadap Institusi Raja-raja Melayu dan berapakah yang telah didapati bersalah dan apakah hukumannya.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pendakwaan yang telah dilakukan terhadap orang yang terlibat dengan penghinaan terhadap Institusi Raja-Raja Melayu setakat ini adalah sebanyak sembilan kes. Pertuduhan yang dilakukan terhadap kesemua tertuduh dalam kes tersebut adalah di bawah subseksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ataupun kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. Subseksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memperuntukkan tentang kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain, manakala seksyen 4 Akta Hasutan 1948 pula memperuntukkan kesalahan menghasut.

Daripada sembilan kes tersebut, hanya dua kes yang melibatkan ahli politik,



**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

iaitu YB Karpal Singh, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Pulau Pinang dan YB Mat Shuhaimi bin Shafie yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Muda, Shah Alam, Selangor. Pertuduhan yang dibuat terhadap kedua-dua ahli politik tersebut adalah di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948.

Untuk makluman, hanya tiga kes yang telah selesai daripada sembilan kes tersebut, iaitu satu kes tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah subseksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang

dijatuhi hukuman denda RM10,000.00 dan jika tidak membayar denda, dihukum penjara selama tempoh 5 bulan.

Satu kes lain di bawah subseksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah diselesaikan dengan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Walau bagaimanapun, Pendakwa Raya telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan kes tersebut.

Selain itu, satu kes di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948 yang telah selesai ialah kes terhadap YB Karpal Singh. Dalam kes ini, Mahkamah telah melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri. Walau bagaimanapun, kes tersebut kini dalam proses rayuan oleh pihak Pendakwa Raya.

Pada masa ini, enam kes lagi masih di peringkat perbicaraan sama ada di peringkat pendakwaan ataupun di peringkat pembelaan.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

»

NO. SOALAN: ^

**SOALAN**

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz (Sri Gading) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi masalah pemalsuan logo halal yang tidak mendapat pengiktirafan JAKIM tetapi masih berleluasa di pasaran.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

JAKIM hanya boleh mengambil tindakan terhadap pemohon sijil Halal Malaysia sahaja dan mana-mana pihak menyalahgunakan logo halal Malaysia. Bagi logo-logo daripada syarikat swasta yang lain, ia bukannya dalam bidang kuasa JAKIM.

JAKIM sebagai sebuah Badan Persijilan Halal Malaysia melakukan dua tugas berkaitan dengan pemantauan terhadap pemegang sijil halal Malaysia iaitu pemantauan secara berkala dan pemantauan berdasarkan aduan.

Pemantauan secara berkala dibuat sekurang kurangnya sekali setahun terhadap syarikat yang berisiko rendah seperti syarikat yang menjalankan perniagaan berasaskan produk tumbuhan, syarikat yang mempunyai eksekutif halal/ jawatankuasa halal dalaman atau syarikat yang mengamalkan amalan pengilangan yang baik (GMP)/ amalan kebersihan yang baik (GHP). Bagi syarikat yang berisiko tinggi seperti syarikat yang menjalankan perniagaan berasaskan daging, lemak, minyak, alkohol, serta syarikat yang

tidak mempunyai eksekutif halal/ jawatankuasa halal dalaman atau syarikat yang tidak mengamalkan amalan pengilangan yang baik (GMP)/ amalan kebersihan yang baik (GHP), maka pemeriksaan/ dan pemantauan dilakukan lebih daripada sekali dalam setahun atau mengikut keperluan semasa.

Pemantauan aduan pula dilakukan bersama dengan agensi agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) atau Kastam Diraja Malaysia.

Untuk tujuan penguatkuasaan, maka KPDNKK akan mengambil tindakan terhadap kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda sehingga RM 250,000 bagi kesalahan pertama dan RM 500,000 bagi kesalahan kedua/ ulangan.

Sekian, terima kasih

**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN  
OMAR

**KAWASAN** POKOK SENA

**TARIKH** 10 MAC 2011 (KHAMIS)  
**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah kos terkini pembinaan  
projek Istana Negara dan nyatakan jumlah kos perbelanjaan penyediaan  
hiasan dalaman bagi istana tersebut.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos projek pembinaan Kompleks Istana Negara Baru di jalan Duta, Kuala Lumpur telah ditetapkan sebanyak RM797 juta, di mana RM650 juta merupakan kontrak asal projek dan RM147 juta lagi merupakan peruntukan tambahan yang diluluskan Kerajaan.

Manakala kos bagi skop Hiasan Dalaman (*Interior Design - ID*) pula ialah sebanyak RM147 juta, iaitu termasuk dalam kos keseluruhan projek sebanyak RM797 juta seperti di atas. Skop kerja ID ini melibatkan *fixed Interior Design (ID)* seperti pembelian lampu- lampu *chandelier*, pemasangan *wall panel*, dekorasi dalaman bangunan dan bayaran juru perunding; pembelian perabot-perabot lekap (*built- in furnitures*) dan tidak lekap (*loose furnitures*) dan hiasan seni taman. Peruntukan skop ID ini turut merangkumi peningkatan taraf kemas secara keseluruhan di Kompleks Bangunan Istana Negara yang mempunyai keluasan lantai 100,000 meter persegi dan juga di bangunan-bangunan sokongan yang lain.

Sekian. Terima kasih.





NO. SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN            LISAN  
DARIPADA            DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
                              [ KUALA SELANGOR ]  
TARIKH                10 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan komitmen beliau kepada '*inclusivity* - keterangkuman' apabila menggugurkan cadangan Suruhanjaya Peluang Saksama (EOC) dalam Model Ekonomi Baru 2 kerana mencetuskan persepsi dan tanggapan buruk di pihak pelabur asing dan tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Secara dasarnya, prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam NEM telah diterima oleh Kerajaan. Begitu juga dengan prinsip EOC yang dicadangkan dalam NEM Bahagian 1. Walaupun ia tidak dinyatakan dalam NEM Bahagian Akhir, namun ini tidak bermakna EOC tidak diterima. Perlu diberikan perhatian bahawa senarai langkah- langkah dasar yang dicadangkan dalam NEM Bahagian Akhir adalah bukan satu senarai lengkap yang meliputi semua aspek.

Menjadi tanggungjawab Kerajaan melaksanakan langkah-langkah dasar dengan segera. Dalam hal ini semua agensi kerajaan dan swasta berganding bahu serta semua *stakeholders* mengambil sifat bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan langkah-langkah dasar MBE dapat dicapai secara konsisten dan penuh teguh. Dalam konteks, kemungkinan akan terdapat penambahan dan pengubahsuaian ke atas setiap langkah-langkah dasar agar ia selari dengan objektif MBE.

Langkah-langkah dasar yang disarankan adalah bersifat serta merta sebagai landasan kepada kejayaan projek-projek dibawah NKEA. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak seimbang, Malaysia perlu melaksanakan langkah-langkah dasar *Strategic Reform Initiatives* (SRI) dengan serta merta bagi membolehkan negara melonjak ke pendapatan tinggi.

Tidak semestinya langkah dasar-dasar yang dicadangkan terdahulu dilaksanakan pada masa sekarang dan sekali gus kerana ia boleh dilaksanakan kelak pada masa hadapan dan sesuai mengikut keadaan.

Dalam hal inklusif, Kerajaan sentiasa komited dengan memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat peluang yang sama rata. Ini dilaksanakan melalui kempen IMalaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, kemasukan dalam Perkhidmatan Awam dan bantuan E-kasih kepada rakyat yang memerlukan bantuan. Selain itu, setiap elemen dalam NEM terutama inklusif telah dimasukkan dalam RMK-10 dengan penumpuan diberikan kepada yang berpendapatan isi rumah 40 terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi melalui program pembinaan pendapatan dan keupayaan.

Maka dengan itu, setiap yang dirancang oleh Kerajaan adalah menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi secara inklusif dan mampan menjelang tahun 2020. Setiap perubahan yang dilakukan adalah untuk menjamin masa hadapan negara dan generasi yang akan datang.



NO. AUM : 33

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]
TARIKH	10 MAC 2011
RUJUKAN	3351

SOALAN:

Tuan Fong Kul Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan indeks kes dan kategori jenayah serta dadah yang berlaku dalam kawasan IPD-IPD Polis Dang Wangi, Sentul, Brickfields dan Cheras sepanjang 2008 hingga 2011 dan langkah- langkah yang telah dan akan diambil untuk menurunkan kadar jenayah tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Pihak PDRM telah mengklasifikasikan jenayah indeks kepada dua kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan merangkumi bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan mencederakan. Manakala jenayah harta benda terdiri dari kejadian curi, curi motokar, curi motosikal, curi ragut, pecah rumah siang dan pecah rumah malam.

Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi IPK Kuala Lumpur dalam tahun 2008 adalah sebanyak 28,091 kes, 33,781 kes dalam tahun 2009, manakala dalam tahun 2010 pula mencatatkan sebanyak 24,495 kes. Bagi tahun 2011 sehingga 31 Januari adalah sebanyak 2,460 kes.

Bagi kes dadah pula, pada tahun 2008, sebanyak 6,995 kes dadah telah dicatatkan yang melibatkan 7,518 tangkapan. Pada 2009 pula sebanyak 13,096 kes dadah dengan jumlah tangkapan sebanyak 14,672. Manakala dalam tahun 2010, jumlah ini meningkat kepada 16,628 kes dengan jumlah tangkapan sebanyak 18,986. Sehingga 31 Januari 2011, jumlah kes yang dicatatkan sebanyak 1,983 melibatkan tangkapan sebanyak 2,078.

Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, pelbagai inisiatif yang dapat mempertingkatkan kerjasama dan hubungan erat antara pihak

**Tuan Yang Dipertua,**

penguatkuasa, khususnya PDRM telah dilaksanakan. Di antara inisiatif tersebut ialah, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dibawah Rukun Tetangga, Rakan Cop, "*High Profile Policing*" dan "*Stop and Talk*". Untuk tujuan yang sama kemudahan seperti Pondok Bit, Pondok Polis Komuniti dan Balai Polis Bergerak disediakan.

Melalui inisiatif "*High Profile Policing*" pegawai-pegawai kanan polis disemua peringkat, negeri dan daerah akan *turun padang* secara berkala bertemu dengan orang ramai. "*Stop and Talk*" pula menghendaki semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan, samada berjalan kaki, bermotosikal maupun berkereta (MPV) supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai, mengikut kesesuaian masa dan tempat untuk mendapatkan maklumbalas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal-hal kepolisan dan jenayah.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi jenayah pecah rumah, PDRM telah melancarkan Ops Pintu, Ops Lejang pula bagi kes curi motosikal dan Ops Rentap ditumpukan kepada kejadian jenayah ragut. Operasi-operasi ini melibatkan semua kawasan di seluruh Malaysia. Di masa yang sama setiap Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis telah

menjalankan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan jenayah berdasarkan kepada keutamaan di kawasan berkaitan.

Bagi mengatasi masalah jenayah yang disebabkan oleh penyalahgunaan dadah, pihak Jabatan Narkotik PDRM dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah berganding bahu untuk mengesan dan menangkap pengedar-pengedar serta penagih- penagih dadah yang melakukan jenayah. Dalam mencapai usaha ini, pihak PDRM dan AADK telah melancarkan pelbagai operasi seperti Ops Tapis dan Ops Hiburan.

NO AUM

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI [ TANAH MERAH]

TARIKH 10 MAC 2011

RUJUKAN 3352

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan suspek yang ditembak mati oleh polis dari tahun 2000 hingga 2010

(a) purata dan penjenayah mengguna Rifle, Revolver, Pistol Semi-auto dan auto dan pisau; dan

(b) jenis senjata dan caliber yang diguna paling banyak oleh penjenayah.



## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sentiasa komited dalam menjaga keselamatan negara dan berusaha dalam mengurangkan kadar jenayah sejajar dengan aspirasi negara. Secara keseluruhannya seramai 325 orang suspek penjenayah telah ditembak mati oleh pihak polis sejak tahun 2000 hingga 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), purata penjenayah yang menggunakan rifle adalah seramai 2 orang, revolver seramai 27 orang, pistol auto dan semi auto seramai 88 orang dan pisau seramai 64 orang.

Bagi menjawab soalan (b), senjata dan caliber yang paling banyak digunakan oleh penjenayah adalah pistol semi auto dan auto iaitu seramai 88 orang.



PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

PERTANYAAN  
DARIPADA TARIKH  
SOALAN

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
10 MAC 2011 (KHAMIS)  
NO. 54

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapa Kerajaan telah mengambil masa terlalu lama untuk bertindak membantu pelajar-pelajar kita di Mesir untuk keluar dari Mesir semasa suasana politik gawat

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil tindakan yang pantas untuk menyelamatkan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Mesir bermula pada 25 Januari 2011 di mana situasi di Mesir masih dalam keadaan aman ketika itu.

Langkah pertama yang telah diambil oleh Jabatan Penuntut Malaysia dan Kedutaan Besar Malaysia di Mesir adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teras Krisis pada 26 Januari 2011 kerana menyedari kemelut ini akan berlarutan. Ekoran daripada itu, Jabatan Penuntut Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Nasihat Keselamatan

kepada semua pelajar-pelajar Malaysia di Mesir di mana Jawatan kuasa ini akan mengeluarkan amaran dari semasa ke semasa jika demonstrasi berpanjangan. Antara arahan-arahan yang diberi kepada pelajar adalah:

- i) Meminta pelajar menjauhkan diri dari tempat-tempat berlakunya kekecohan;
- ii) Mengurangkan aktiviti di luar rumah sehingga keadaan selamat; dan
- iii) Melaporkan segera sebarang kemalangan dan musibah yang dialami kepada Jabatan Penuntut Malaysia.

Pekeliling ini telah dihantar kepada semua pegawai Hal Ehwal Pelajar Negeri, Pengerusi Badan Kebajikan Anak Negeri dan Persatuan-persatuan pelajar di seluruh Mesir.

Daripada 25-30 Januari 2011, Kerajaan Malaysia mengklasifikasikan situasi di Mesir pada tahap kuning iaitu keadaan tegang tetapi tidak membahayakan rakyat Malaysia. Walaubagaimanapun, pada 1 Februari 2011 keadaan telah menjadi semakin runcing dengan tahap keselamatan berubah kepada oren iaitu keadaan yang membahayakan rakyat Malaysia. Sementara menunggu keputusan evakuasi, pelajar-pelajar telah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan. Setelah keputusan evakuasi dikeluarkan, pelajar-pelajar telah dinasihatkan untuk berkumpul di kawasan selamat bagi memudahkan urusan evakuasi dan akhirnya kumpulan pertama pelajar di bawa keluar dari Mesir yang dilaksanakan pada 3

Februari 2011 menggunakan perkhidmatan Tentera Udara DiRaja Malaysia, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia. Pelajar dipindahkan ke Jeddah dan ditempatkan di asrama Tabung Haji.

Berdasarkan kronologi ini, Kerajaan telah Berjaya memindahkan pelajar-pelajar ke Jeddah dalam masa yang singkat dan seterusnya di bawa balik ke Malaysia dalam keadaan selamat tanpa seorang pun pelajar yang tercedera atau terlibat dalam kecelakaan.

NO. AUM : 33

NO. AUP : ST

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]

DARIPADA

10 MAC 2011

TARIKH

3353

SOALAN:  
RUJUKAN

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah laporan polis yang telah pun dibuat terhadap pegawai-pegawai Badan Pencegahan Rasuah dan SPRM sehingga sekarang yang mengadu kekerasan digunakan terhadap pengadu semasa siasatan dan nyatakan sama ada siasatan/atau tindakan atas laporan polis itu dan khususnya Shah Alam Sek 11/006917/08 yang dibuat pada 11.9.2008 dan sekiranya ada, apakah tindakan itu dan berapa ramai pertuduhan telah dibawa terhadap pegawai tersebut sehingga sekarang terhadap semua laporan itu.



## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dari tahun 2005 hingga tahun 2010, sebanyak 59 laporan polis telah dibuat berhubung dakwaan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan kekerasan semasa menjalankan siasatan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 kes masih dalam siasatan pihak polis, 29 kes dalam tindakan Timbalan Pendakwa Raya dan 7 kes telah dikategorikan sebagai *No Further Action* (NFA) oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung laporan polis yang dibuat di Shah Alam pada 11.9.2008 seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, kes ini telah dikategorikan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan. Proses siasatan kes ini telah tamat dan hasil siasatan tersebut akan dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya.



NO. AUM : 33

NO. AUP :fb

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

TARIKH

DEWAN RAKYAT

TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]

RUJUKAN

10 MAC 2011

3354

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kaedah gantung diri 10 banduan di dalam penjara sepanjang tempoh 2005 hingga Julai 2010 seperti yang dinyatakan di Parlimen melalui jawapan pada 18 Oktober 2010.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, ingin saya jelaskan bahawa statistik 10 banduan seperti yang dinyatakan di dalam jawapan pada 18 Oktober 2010 adalah merujuk kepada jumlah tahanan ' dalam lokap polis dan bukannya banduan di penjara.

Walau bagaimanapun, berasaskan kepada siasatan yang dijalankan, didapati banduan yang menggantung diri di dalam lokap polis telah menggunakan pakaian yang dibekalkan untuk dijadikan alat bagi menggantung diri. Pakaian tersebut terdiri daripada seluar, manakala peralatan lain terdiri daripada kain selimut, tuala dan sarung tilam yang dibekalkan untuk kegunaan harian mereka. Pakaian tersebut akan dikoyakkan dan diikat pada jerejak sel untuk menggantung diri.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mencegah masalah menggantung diri di kalangan tahanan, pihak polis telah menyediakan prosedur pencegahan, kawalan, rawatan dan pemantauan terhadap banduan yang mengalami masalah kemurungan,

tekanan dan mental.

Di samping itu, pihak polis dari masa ke semasa mengkaji kesesuaian bahan serta jenis pakaian dan peralatan yang dibekalkan untuk kemudahan tahanan agar ianya tidak disalahgunakan untuk menggantung diri atau apa-apa tindakan lain yang didapati boleh menjejaskan keselamatan diri tahanan berkenaan, tahanan lain serta anggota polis yang bertugas.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** Y.B. TUAN ZULKIFU BIN NOORDIN [ KULIM  
BANDAR BARU]

**TARIKH** 10 MAC 2011 [KHAMIS]

**SOALAN**

Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar **Baru ]** minta  
PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) apakah status penyiasatan kes murtad NorAzman Abdullah  
@ Beginda; dan
- (b) apakah langkah yang sedang dan akandiambil dalam

**NO. SOALAN: ■ ■ ■**

membendung gejala murtad yang semakin serius dan berlaku secara terbuka; dan sila berikan statistik penama yang murtad mengikut pecahan bangsa, umur & jantina bagi tahun 2005 sehingga 2010.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Pihak JAKIM telah melakukan penelitian berkenaan isu ini melalui maklumat- maklumat yang diberikan oleh pihak PDRM dan juga Jabatan Agama Islam Sarawak. Hasil penelitian mendapati sememangnya Norazman Abdullah telah memeluk Islam sekitar 80-an di negeri Selangor, sebelum berkahwin dengan seorang wanita Islam. Bagaimanapun pasangan ini telah bercerai dan beliau telah kembali ke negeri kelahiran beliau di Kapit, Sarawak. Beliau mengakui telah bertukar agama dan membuat akuan bersumpah di hadapan Majistret Kapit pada 27 September 1999. Beliau kemudiannya telah berkahwin dengan wanita beragama Kristian.

(b) Berhubung dengan gejala murtad, Kerajaan sememangnya mengambil perhatian serius dalam membendung gejala murtad di kalangan umat Islam dengan merangka beberapa program, antaranya seperti berikut:

- i. memberi bimbingan dan kaunseling kepada golongan atau individu yang cuba untuk murtad;
- ii. memperteguhkan Akidah Saudara Baru;
- iii. mengawal dan menyekat orang Islam dari murtad;
- iv. memulih golongan yang ingin murtad melalui kelas-kelas bimbingan

di pusat-pusat pemulihan seperti Pusat Pemulihan Akidah di Jelevu, Negeri Sembilan, di negeri-negeri dan sebagainya;

- v. memperteguhkan Akidah Saudara Baru melalui program-program ziarah berkala dan dakwah 'bil hal' oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN);
- vi. memperbanyakkan kelas-kelas bimbingan Saudara Baru di Pusat dan di pihak berkuasa Agama negeri-negeri; dan
- vii. mengadakan kelas-kelas bimbingan dan bantuan-bantuan kebajikan kepada Saudara Baru oleh Badan-badan NGO Islam yang dibantu kewangannya oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri melalui asnaf muallaf zakat.

Bagi tahun 2005, sebanyak 53 kes permohonan keluar Islam telah didaftarkan. Jumlah tersebut bertambah iaitu 60 kes (2006), 71 kes (2007), 127 kes (2008), 163 kes (2009) dan 177 kes (2010). Mengikut pecahan negeri, Sabah mencatat rekod permohonan keluar Islam tertinggi iaitu sebanyak 235 kes sepanjang 2005-2010. Sementara itu Perlis mencatatkan antara kes terendah iaitu hanya 3 kes sepanjang tempoh lima tahun tersebut.

Statistik berkenaan gejala murtad ini tidak dapat disediakan mengikut pecahan bangsa, umur dan jantina seperti yang dikehendaki kerana sistem sedia ada merekod mengikut pecahan negeri. Bagaimanapun sistem rekod yang dipantau keseluruhannya oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

(JKSM) ini sedang dalam pembangunan versi baru yang lebih canggih dan efektif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]

TARIKH JAWAPAN : 10 MAC 2011 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kadar tarif elektrik yang berpatutan mengikut jumlah subsidi gas yang diberikan kepada penjana tenaga bila berbanding dengan negara lain seperti Thailand yang memberikan subsidi gas yang lebih kurang.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, 54.2% daripada campuran kapasiti penjanaan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2010 menggunakan bahan api gas. Oleh kerana gas adalah merupakan salah satu bahan api utama bagi penjanaan elektrik di negara ini, peningkatan harga gas kepada sektor elektrik

**SOALAN NO. :120**

secara langsung akan meningkatkan kos penjanaan elektrik.

Kerajaan telah menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik pada kadar yang rendah berbanding dengan harga yang terdapat di pasaran. Dengan ini, tarif elektrik dapat dikekalkan pada kadar yang rendah kepada para pengguna. Bagi mengekalkan tarif elektrik pada kadar yang munasabah kepada pengguna, bermula pada 1 Mac 2009, harga gas yang ditetapkan untuk semua penjana elektrik termasuk yang dimiliki oleh TNB adalah pada kadar RM10.70/mmBtu.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Walaupun Kerajaan memberikan subsidi bagi bahan api gas, penetapan kadar tarif elektrik bukan sahaja dipengaruhi oleh harga bahan api semata-mata. Pihak utiliti juga perlu menanggung kos operasi lain seperti bayaran kapasiti dan tenaga kepada penjana bebas, kos pembangunan dan pengukuhan infrastruktur bekalan elektrik serta kos penyelenggaraan sistem pembekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) agar dapat membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

Berhubung perbandingan tarif di antara Semenanjung dengan negara Thailand, ingin saya jelaskan di sini bahawa purata tarif semasa di Semenanjung pada kadar sekarang, iaitu 31.31 sen/kWj adalah lebih rendah apabila dibandingkan dengan tarif di negara Thailand, iaitu 32.58 sen/kWj.





## JAWAPAN

masyarakat Malaysia.  
Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kerajaan memandang serius fenomena rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup homoseksual (gay), lesbian dan transgender. Gaya hidup ini bukan merupakan corak kehidupan kita dan bertentangan dengan ajaran agama serta nilai hidup masyarakat di negara ini.

Buat masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak dapat menganggarkan bilangan rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup homoseksual (gay), lesbian dan transgender kerana bukan semua daripada golongan ini bersedia mendedahkan identiti sebenar diri mereka.

Walaupun bagaimanapun, Bengkel Konsensus Kebangsaan *'Estimation and Projection of the HIV'* yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan bantuan pakar daripada Pertubuhan

Kesehatan Sedunia (WHO) pada 26-29 Mei 2009, *Expert Group Opinion on Estimation of Most at Risk Populations (MARPs)* menganggarkan terdapat seramai 173,000 *gay*, 50,000 pekerja seks perempuan, 5,000 pekerja seks lelaki dan 5,000 transeksual di Malaysia yang merupakan golongan yang sangat terdedah/berisiko tinggi untuk dijangkiti HIV.

Pihak Kerajaan tidak mengiktirafkan golongan homoseksual (*gay*), lesbian dan transgender tetapi tidak menafikan hak asasi mereka untuk hidup sebagai manusia (*human rights*). Dalam hal ini, pihak Kerajaan menyediakan perkhidmatan sokongan sosial bagi membantu mereka yang ingin mengubah gaya hidup mereka dan kembali ke pangkuan jalan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memulakan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) semenjak Ogos 2007 bagi menubuhkan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Tujuan penubuhan pusat ini adalah untuk membantu tiga golongan yang berisiko dijangkiti dan menjangkiti HIV/AIDS iaitu orang yang hidup

dengan HIV/AIDS (ODHA), pekerja seks wanita dan transgender (Mak Nyah). Antara perkhidmatan yang disediakan di PBKS ialah kaunseling, rujukan kepada agensi-agensi berkaitan (seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pusat Zakat), pusat persinggahan (*drop-in centre*) dan pendampingan (*outreach*). Kerjasama yang erat juga dibentuk dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi melengkapkan perkhidmatan sosial kepada golongan ini.

#### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]

**TARIKH :** 10 MAC 2011 (RABU)

**SOALAN :**

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan bilakah empat Perisytiharan Darurat tahun 1964, 1966, 1969 dan 1977 akan ditarik baiik mengikut Fasal 150 (3) Perlembagaan memandangkan situasi yang menyebabkan perisytiharan- perisytiharan darurat ini telah lama lesap sejak 34 hingga 47 tahun.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proklamasi darurat boleh dimasyhurkan apabila keadaan keselamatan, atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam Negara terancam. Perkara ini termaktub di dalam Fasal (1) Perkara 150

Perlembagaan Persekutuan, seperti yang berikut:

**"Proklamasi Darurat**

**150.** (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisytiharan yang bermaksud sedemikian."

2. Sejak kemerdekaan sehingga kini, sebanyak empat Proklamasi Darurat telah diisytiharkan seperti yang berikut:

(a) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 3 September 1964 bagi seluruh Persekutuan;

(b) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 15 Mei 1969 bagi seluruh Persekutuan;

(c) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 14 September

NO. SOALAN: 60

1966 di Sarawak; dan

(d) Proklamasi Darurat yang diisytiharkan pada 8 November 1977 di-Kelantan.

3. Proklamasi Darurat pada tahun 1964 telah terbatal secara implikasi oleh Proklamasi Darurat pada tahun 1969 sebagaimana yang diputuskan oleh *Privy Council* dalam kes *Teh Cheng Poh Iwn Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 50.

4. Tiga Proklamasi Darurat yang masih wujud ialah Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak, Proklamasi Darurat pada tahun 1969 di Persekutuan dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan.

5. Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih berkuat kuasa kerana Proklamasi Darurat pada tahun 1977 dengan jelas tidak menyentuh Proklamasi Darurat pada tahun 1969. Dalam Proklamasi Darurat 1977, terdapat peruntukan yang menyatakan-

“DAN BETA adalah dengan ini mengakui bahawa Perisytiharan ini tidaklah dengan apa-apa cara rhengurangkan kuasa, tetapi hendaklah menjadi tambahan kepada Perisytiharan Darurat yang dikeluarkan oleh BETA pada 15hb Mei 1969 yang disiarkan dalam Warta No. P.U. (A) 145 pada tarikh yang sama.”.

6. Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membatalkan Proklamasi dan ordinar darurat atau ia terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh Dewan Rakyat atau Dewan Negara yang mengingkai (*annul*) proklamasi atau ordinar itu. Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa - **“Proklamasi darurat**



150. (3) Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinar yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengumumkan Proklamasi atau ordinar itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinar itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baru di bawah Fasal (1) atau memasyhurkan apa-apa ordinar di bawah Fasal (2B)."

7. Melainkan jika Proklamasi Darurat diungkai atau dibatalkan di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, maka Proklamasi Darurat akan berterusan. Sebagai tambahan, Fasal (2C) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa sesuatu ordinar yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah ordinar itu ialah Akta Parlimen sehingga ordinar itu dibatalkan atau diungkai di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

8. Pada pandangan Kerajaan, Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih wajar dikekalkan atas sebab seperti yang berikut:

- (a) adalah wajar bagi Kerajaan untuk mengekalkan Proklamasi Darurat pada tahun 1969 kerana jika tidak, undang-undang yang telah diperbuat semasa Proklamasi Darurat sedang

NO. SOALAN: 60

berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa mengikut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dan ini akan menimbulkan kesukaran kepada Kerajaan untuk mengawal jenayah dan isu-isu yang melibatkan ketenteraman awam; dan

- (b) kemungkinan terdapat keperluan supaya undang-undang diperbuat dengan segera oleh YDPA semasa Parlimen tidak bersidang bagi menangani masalah berhubung dengan keselamatan Negara antaranya yang melibatkan ancaman pengganas serta keselamatan dan ketenteraman awam yang tidak diliputi dalam undang-undang sedia ada.

9. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan wajar dibatalkan kerana kedua-dua Proklamasi Darurat tersebut sudah tidak relevan pada masa ini kerana ia dibuat untuk menangani situasi yang berlaku di kedua-dua Negeri tersebut pada masa itu.

10. Kesan sekiranya Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak dan Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan dibatalkan adalah seperti yang berikut:

- (a) jika Proklamasi Darurat pada tahun 1966 di Sarawak

NO. SOALAN: 60

dibatalkan, maka *Emergency (Federal Constitution and the Constitution of Sarawak) Act 1966* yang telah berkuat kuasa pada 20 September 1966 akan terbatal dalam tempoh 6 bulan dari pembatalan Proklamasi itu;

(b) jika Proklamasi Darurat pada tahun 1977 di Kelantan dibatalkan, ia tidak akan memberi kesan kepada mana-mana undang-undang kerana Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 [*Akta 192*] yang meminda Perlembagaan Negeri Kelantan dengan mengalihkan pemerintahan daripada Menteri Besar kepada Pengarah Kerajaan (*Director of Government, State of Kelantan*) telah dimansuhkan melalui P.U(A)46/1978 bertarikh 12 Februari 1978; dan

(c) undang-undang yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat pada tahun 1969 masih terpakai bagi seluruh Persekutuan walaupun kedua-dua Proklamasi Darurat tersebut dibatalkan. Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**

**TARIKH : 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada IMalaysia Youth Fund boleh disalurkan untuk Kempen Perlembagaanku yang dianjurkan oleh Majlis Peguam, jika tidak mengapa. Jika ya, bagaimana dan bila.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Perua,

1. Dana Belia IMalaysia bukanlah satu dana yang dikendalikan oleh kerajaan. Dana Belia adalah satu peruntukkan dari IMalaysia Development Berhad bertujuan menyediakan platform untuk menggalakkan pembangunan dan perpaduan di kalangan belia di Malaysia.
2. Keputusan untuk menyalurkan dana ke sesuatu projek akan dibuat oleh panel penilai. Mana-mana pihak yang berminat untuk memohon dana hendaklah membuat permohonan secara terus kepada sekretariat Dana Belia melalui online ataupun pos. Panel penilai akan memproses setiap permohonan dan membuat penilaian berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

NO. AUP : &0-

NO. AUM : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]

TARIKH 10 MAC 2011

RUJUKAN 3358

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik jumlah kes juvana yang terlibat di seluruh negara pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 dan apakah langkah-langkah penyelesaiannya.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, buat masa kini pihak PDRM hanya mempunyai statistik jumlah kes juvana dari tahun 2008 hingga 2010 sahaja. Berdasarkan statistik tersebut sebanyak 5115 kes telah dilaporkan pada tahun 2008, 5173 kes pada tahun 2009 dan 987 kes pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian dengan kerjasama PDRM telah merangka beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah Jenayah Juvana khususnya di kalangan pelajar, antaranya ialah:-

### I. Sebelum pelajar terlibat dalam jenayah:

- i. Mengadakan ceramah berkaitan jenis-jenis Jenayah Juvana dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah;
- ii. Pameran di sekolah-sekolah mengenai bahaya penglibatan dalam kegiatan jenayah;

- iii. Mengadakan aktiviti Kurikulum seperti Kadet Polis;
- iv. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah; dan
- v. Melantik seorang pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah di setiap sekolah.

**Semasa pelajar terlibat dalam jenayah:**

- i. Menjalankan operasi di tempat-tempat hiburan dan kawasan penagihan dadah; dan
- ii. Mengesan laporan-laporan orang hilang yang melibatkan pelajar sekolah dan para juvana.

**Selepas pelajar terlibat dalam jenayah:**

- i. Memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar yang terlibat supaya tidak mengulangi perbuatan mereka;
- ii. Memberikan tempoh berkelakuan baik selepas keluar dari tempat pemulihan; dan
- iii. Bekerjasama dengan ahli keluarga dan pihak sekolah dalam memerhatikan kegiatan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes Juvana.

PEMBERITAHUAN PERTANYAANDEWAN RAKYAT





SOALAN NO: 48

talian

**SOALAN NO: 63**

tetap dan jalur lebar ke kawasan pembangunan mengikut tempoh masa yang ditentukan dan dipersetujui oleh pemaju. Untuk kawasan perumahan yang mana pemaju tidak bersetuju dengan program tersebut maka pihak TM akan membekalkan perkhidmatan Talian Tetap Tanpa Wayar (*Fixed Wireless*). Projek-projek yang melibatkan sumbangan modal (*capital contribution*) hanya dijalankan setelah mendapat persetujuan daripada pelanggan secara bertulis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN HAJAH NANCY HJ SHUKRI**

**BATANG SADONG**

**TARIKH 10 MAC 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukry (Batang Sadong) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan

#### SOALAN NO. 64

kelas musik secara formal kepada golongan OKU supaya mereka boleh dianugerahkan dengan ijazah atau kelulusan formal dan tidak hanya menjadi pemuzik jalanan.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada masa ini tidak mewujudkan sebarang kursus muzik secara formal untuk golongan orang kurang upaya (OKU). Kementerian mengambil maklum akan cadangan tersebut bagi tujuan perancangan program KPWKM di masa akan datang.

Walau bagaimanapun, kursus-kursus ini boleh diikuti oleh golongan OKU yang berminat dan mempunyai kelulusan yang bersesuaian di institusi-institusi pengajian awam mahupun swasta yang diiktiraf dan Kerajaan akan menyokong dari segi bayaran yuran pengajian.

No. Soalan : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA NYAAN	PE RTA	LISAN
		TUAN CHUA TIAN CHANG
TARIKH		10 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) berapakah jumlah bayaran konsultan kepada McKinsey dalam Projek MRT dan manakah sumber kewangan Kerajaan untuk membiayai projek MRT; dan
- (b) berapakah jumlah kos keseluruhan projek MRT dan nyatakan jumlah kos dalam bahagian kerja-kerja bawah tanah dan pembinaan.

JAWAPAN : MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Bayaran perunding McKinsey bagi kajian Value Management Study ataupun Kajian Pengurusan Nilai untuk projek MRT adalah RM8.2 juta. Matlamat-matlamat kajian tersebut adalah untuk:

- i. mengenal pasti potensi kemajuan hartanah optimum semasa penentapan jajaran MRT,
- ii. mengenal pasti dasar pembinaan dan perolehan yang akan membawa kepada pengurangan kos,
- iii. mengenal pasti peluang projek yang menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta (public-private partnerships),
- iv. merancang dengan awal untuk memaksimumkan pendapatan bukan dari penjualan tiket (non- farebox revenue).

Pihak perunding tersebut mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Value Management Study dan juga bidang-bidang yang lain dalam pembangunan sistem pengangkutan rel bandar dan terlibat dalam projek-projek rel di Hong Kong,



Australia dan Jepun.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ



Sumber pembiayaan projek MRT adalah oleh pihak Kerajaan yang akan diselaraskan oleh pihak Kementerian Kewangan melalui sebuah entiti khas pembiayaan Infrastructure Funding Entity (IFE). Melalui IFE, keperluan pembiayaan projek akan dikenalpasti dan mekanisma terbaik untuk meraih peruntukan akan dilaksanakan, contohnya, melalui bon Kerajaan jangka panjang disamping peruntukan langsung daripada bajet.

- b) Jumlah keseluruhan projek MRT ini, termasuk kerja-kerja bawah tanah dan pembinaan, masih di dalam peringkat penilaian rekabentuk asas (baseline design review) dan proses memuktamadkan "Employer's Requirements". Disamping itu juga, keputusan akhir jajaran setelah semua maklumbalas diterima dan diproses selepas pameran awam yang sedang berlangsung sekarang sehingga 14 Mei 2011 juga akan memainkan peranan di dalam menentukan kos projek MRT ini. Anggaran yang lebih tepat dijangka akan diketahui menjelang bulan Mei iaitu setelah semua elemen-elemen kos diambilkira dan dimuktamadkan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

## JAWAPAN

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [ SETIU ]  
TARIKH : 10 MAC 2011  
RUJUKAN : 3360

### SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kecurian kenderaan pada tahun 2008 hingga kini mengikut negeri dan negara ini dan apakah tindakan serta usaha-usaha Kementerian dalam menyelesaikan masalah ini.  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM hanya mempunyai statistik kecurian kenderaan dari tahun 2008 hingga 2010 sahaja. Mengikut statistik tersebut, berikut adalah jumlah kecurian kenderaan yang berlaku sepanjang tahun 2008 hingga 2010 mengikut pecahan jenis kenderaan:

## JAWAPAN

KESALAHAN	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010
CURI VAN/LORI/J'BERAT	6,263	5,346	4,067
CURI MOTOKAR	15,198	14,206	15,333
CURI MOTOSIKAL	67,359	60,886	52,782
JUMLAH	88,820	80,438	72,182

Bagi perbandingan kecurian kenderaan tahun 2008 dan 2009, secara keseluruhannya menunjukkan penurunan sebanyak 9% iaitu kecurian Van/Lori/Jentera Berat sebanyak 15% di ikuti Curi Motokar sebanyak 7% dan Curi Motosikal sebanyak 10%;

Manakala perbandingan kecurian kenderaan tahun 2010 dan 2009, secara keseluruhannya juga menunjukkan penurunan sebanyak 10%



iaitu kecurian Van/Lori/Jentera Berat sebanyak 24% dan Curi Motosikal sebanyak 13%. Bagi kecurian Motokar pula menunjukkan peningkatan sebanyak 8%.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membendung kejadian kecurian kenderaan daripada berulang kembali, PDRM telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan jenayah dan mengatur strategi bagi menangani masalah jenayah seluruh negara. Di antaranya ialah:-

- Pelaksanaan konsep “Community Policing” yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat, telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan community.
- Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan 'stop and talk' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep “Police Omnipresence”, akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

Rondaan kereta peronda (MPV) juga telah dipertingkatkan dan

diadakan sepanjang masa di kawasan yang kerap terdedah kepada perlakuan jenayah. Sebarang laporan menggunakan Talian Hotline akan mendapat "Respond" yang cepat daripada anggota MPV yang bertugas 24 jam.

Menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun tepi jalan (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops Lejang), pecah rumah curi (Ops Pintu) dan curi kabel logam dan tembaga (Ops Luluh), sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program NKRA di bawah inisiatif NKPI 1.1. iaitu menurunkan kadar Jenayah Indeks sebanyak 5% dan NKPI 1.2. iaitu menurunkan kadar Jenayah Jalanan sebanyak 20%.

Penugasan khas "Officer On Beat" yang mempunyai kekuatan sebanyak lapan orang pegawai dan lapan orang anggota dalam satu-satu masa telah dimulakan di kontinjen Kuala Lumpur dan akan diperluaskan di kontinjen lain yang mempunyai peningkatan jenayah yang ketara. Penugasan mereka bermula dari 10 pagi hingga 12 malam setiap hari.

Operasi Bersepadu melibatkan PDRM bersama pihak Kementerian serta agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Pihak Berkuasa Tempatan, sering dijalankan untuk membendung jenayah serta memantau aktiviti lain yang mempunyai kaitan dengan kejadian jenayah seperti kegiatan

Pendatang Tanpalzin, penagih dadah atau penganggur yang terdesak.



“Rakan Cop” telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan Pencegahan Jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah secara menghantar SMS ketalian 32728 atau dengan panggilan ke talian Hotline 03-2115 9999 dan tindakan serta merta akan diselaraskan.

Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategic merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan Bandar Selamat. Walaupun pemasangan CCTV bukan bidang kuasa polis tetapi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, usaha ini telah dilaksanakan dan Berjaya membantu dalam pencegahan jenayah.

Mengadakan sesi perjumpaan dengan Ketua Polis Daerah setempat sebagai satu 'platform' untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk bertemu polis dan berbincang tentang masalah-masalah yang dihadapi berkaitan jenayah dan juga sebagai peluang untuk menyalurkan maklumat mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka.

Dalam usaha memerangi jenayah dengan menggunakan konsep '*intelligence lead policing*', PDRM telah mewujudkan **Unit Risikan Bersepadu (Central Intelligence Unit - CIU )** sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah

yang lebih efektif.

No. Soalan : 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN	DEWAN RAKYAT JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]
TARIKH	10 MAC 2011
SOALAN	Datuk Juslie Bin Ajiroi [Libaran] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan tahap kesiapsiagaan pejabat-pejabat Kedutaan Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang beroperasi di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Libaran] bersama soalan-soaian  
**JAWAPAN:**  
yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Kuaia Nerus] bertarikh 14 Mac 2011
- Y.B. [Setiu] bertarikh 17 Mac 2011
- Y.B. [Pengerang] bertarikh 7 April 2011

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan, bencana alam, krisis politik atau peperangan.

4. Secara amnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikal. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikal, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap



kesiapsiagaan di sesebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

5. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua rekod bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Rekod ini memudahkan Perwakilan Malaysia untuk mengenalpasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan. Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga dinasihatkan agar mengelak daripada mendiami kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan penempatan setinggan, kawasan berhampiran penjara dan kawasan-kawasan hitam yang sering berlakunya kegiatan jenayah.

6. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan aiamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my).

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melalui pengalaman krisis yang berlaku di Mesir baru-baru ini, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah menghadapi masalah menentukan

jumlah dan lokasi sebenar rakyat Malaysia kerana kebanyakan pelajar

dan rakyat Malaysia yang tinggal di sana tidak mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia. Ini telah menimbulkan kesulitan untuk menghubungi mereka. Keadaan menjadi lebih sukar apabila jaringan komunikasi termasuk internet di sana tergendala.

8. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga dan terus komited untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

